

**KESAN PANDEMIK COVID-19 KEPADA  
PENGAMAL WAYANG KULIT: KAJIAN KES DI  
KELANTAN**

**NIK NUR AINAA INSYIRAH BINTI ABDUL RAHIM**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KELANTAN

**2022**



**KESAN PANDEMIK COVID-19 KEPADA PENGAMAL  
WAYANG KULIT: KAJIAN KES DI KELANTAN**

**Oleh:**

**NIK NUR AINAA INSYIRAH BINTI ABD RAHIM**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

### PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- |                                     |                |  |
|-------------------------------------|----------------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | <b>TERBUKA</b> | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)   |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SEKATAN</b> | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.<br><br>Dari tarikh _____ hingga _____ |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SULIT</b>   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta RahsiaRasmi 1972)*   |
| <input type="checkbox"/>            | <b>TERHAD</b>  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

.....AINAA.....

NIK NUR AINAA INSYIRAH  
BINTI ABDUL RAHIM  
Tarikh: 28/02/2022

Tandatangan Penyelia

.....

DR. AINUL WAHIDA  
BINTI RADZUAN  
Tarikh: 03/03/2022

**DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Wawasan  
Universiti Malaysia Kelantan

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Di sini saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan, yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar, sumbangan idea serta sokongan moral dalam memastikan saya dan rakan mahasiswi dapat menjayakan projek penyelidikan ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya merakamkan sekalung penghargaan kepada ibu bapa saya yang telah memberikan sokongan dan dorongan sepanjang tempoh pengajian saya. Keluarga saya adalah sumber semangat saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa membantu dan menjadi tempat rujukan dan perbincangan sepanjang menjalankan kajian ini.

Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang memberikan peluang dan ruang kepada saya selaku pelajar di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan untuk menjalankan dan menyiapkan projek penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada responden-responden saya yang telah memberi kerjasama yang baik semasa penyelidikan ini dijalankan. Kerjasama semua amat saya hargai.

# **KESAN PANDEMIK COVID-19 KEPADA PENGAMAL WAYANG KULIT: KAJIAN KES DI KELANTAN**

## **ABSTRAK**

Pandemik Covid-19 telah melanda seluruh dunia. Kerajaan tempatan telah menyekat semua majlis keramaian yang turut memberi kesan kepada pengamal wayang kulit tempatan. Kajian ini menfokuskan mengenai kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan. Oleh itu, terdapat tiga objektif utama di dalam kajian ini iaitu: mengenalpasti kepentingan wayang kulit Kelantan kepada masyarakat Kelantan; mengkaji kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit Kelantan disebabkan pandemik Covid-19; dan menganalisis penyelesaian dalam mengatasi kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan kajian kes. 10 orang responden telah ditemubual dan pemerhatian tidak turut serta telah digunakan untuk mendapatkan data. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis tematik dan ditriangulasi dengan kajian lepas dan responden kajian. Kajian ini mendapati pengamal tempatan terpaksa menangguhkan dan membatalkan aktiviti mereka, sekali gus terjejas dalam penjanaaan pendapatan, persembahan wayang kulit dan pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kesimpulannya, kajian ini penting kepada pengamal dan pihak berkepentingan wayang kulit Kelantan dalam melestarikan wayang kulit semasa pandemik dan pada masa hadapan.

Kata kunci: Pandemik Covid-19, Pengamal Wayang Kulit, Pihak Berkepentingan, Wayang Kulit Kelantan

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# AN EFFECTS OF PANDEMIC COVID-19 TOWARDS WAYANG KULIT PRACTITIONERS: A CASE STUDY IN KELANTAN

## ABSTRACT

The epidemic Covid-19 has engulfed the entire globe. All local events and ceremonies have been restricted by the local government, affecting all practitioners of shadow puppet theatre. This study focuses on the effects of the pandemic Covid-19 on Kelantan shadow puppet theatre practitioners. As a result, there are three main objectives of this study: to identify the importance of Kelantanese shadow puppet theatre to the Kelantanese community; to examine the effects faced by local practitioners as a result of the pandemic Covid-19, and to analyze the solutions for overcoming the pandemic's effects on Kelantan shadow puppet theatre. A case study was used in this study, which utilized a qualitative approach. Ten respondents were interviewed, and non-participant observations were employed to collect data. Thematic analysis was used to analyze all of the data, triangulated with previous research and survey respondents. According to the findings of this study, local practitioners have had to postpone and cancel their performances, affecting the generating of their income, the performing of shadow puppet theatre, and the observance of the government's SOP. Finally, this study is essential for Kelantanese shadow puppet theatre practitioners and stakeholders interested in sustaining *wayang kulit* during pandemics and in the future.

Keywords: Covid-19 Pandemic, Wayang Kulit Practitioner, Wayang Kulit Performance, Stakeholders

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xi</b>
<b>BAB SATU      PENDAHULUAN</b>	
1.1            Pengenalan	1
1.2            Penyataan Masalah	2
1.3            Persoalan Kajian	3
1.4            Objektif Kajian	3
1.5            Kepentingan Kajian	3
1.5.1 Individu	4
1.5.2 Masyarakat	4
1.5.3 Institusi	5
1.6            Skop Kajian	5
1.7            Limitasi Kajian	6
1.8            Struktur Kajian	6

<b>BAB DUA</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	8
2.2	Pandemik Covid-19 Kepada Warisan Budaya	8
2.3	Definisi Warisan Budaya	12
	2.3.1 Warisan Budaya di Malaysia	15
2.4	Wayang Kulit Kelantan	16
	2.4.1 Sejarah Wayang Kulit Kelantan	17
	2.4.2 Konsep Penceritaan Wayang Kulit Kelantan	19
	2.4.3 Pengamal Wayang Kulit di Kelantan	21
2.5	Kepentingan Wayang Kulit Kepada Masyarakat Kelantan	22
2.6	Teori Struktural Fungsional Dalam Persembahan Wayang Kulit	25
2.7	Kesimpulan	27
<b>BAB TIGA</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Pendekatan Kajian: Kajian Kualitatif	28
3.3	Sumber Kajian	29
	3.3.1 Data Primer	30
	3.3.2 Data Sekunder	30
3.4	Kaedah Kajian	31
	3.4.1 Temubual	32
	3.4.2 Pemerhatian	32
3.5	Pensampelan Kajian	36



3.6	Analisis Data: Analisis Tematik	40
3.7	Kesimpulan	46
<b>BAB EMPAT ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>		
4.1	Pengenalan	47
4.2	Wayang Kulit di Kelantan	47
	4.2.1 Jenis Cerita Wayang Kulit Kelantan	48
	4.2.2 Genre Cerita Wayang Kulit	49
	4.2.3 Jenis Pemilihan Cerita Wayang Kulit	52
	4.2.4 Jenis-Jenis Watak Wayang Kulit Kelantan	52
4.3	Kemahiran Dalang	56
4.4	Pengurusan Wayang Kulit di Kelantan	57
	4.4.1 Penganjuran Persembahan Wayang Kulit	58
	4.4.2 Bayaran Untuk Persembahan Wayang Kulit	59
	4.4.3 Tempat Persembahan Wayang Kulit	61
	4.4.4 Penonton Wayang Kulit	63
4.5	Peranan Wayang Kulit Kepada Masyarakat Kelantan	64
4.6	Kepentingan Wayang Kulit	67
4.7	Perubahan di dalam Wayang Kulit	71
4.8	Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Wayang Kulit	76
4.9	Pelestarian Wayang Kulit Oleh Pihak Berkepentingan	80
4.10	Pelestarian Wayang Kulit Oleh Pengamal Wayang Kulit	89
4.11	Kesimpulan	92

<b>BAB LIMA</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	94
5.2	Rumusan Bab	94
5.3	Rumusan Dapatan Utama	95
5.4	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	97
5.5	Kesimpulan	98
	<b>RUJUKAN</b>	99
	<b>LAMPIRAN</b>	106

## SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
Jadual 3.1	Kod Responden Dan Huraian	38
Jadual 3.2	Contoh Transkripsi Data	42
Jadual 3.3	Menetapkan Kod Atau Tema Untuk Transkrip Temubual	44



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>		<b>HALAMAN</b>
Rajah 3.1	Temubual Bersama Responden	37
Rajah 3.2	Pemprosesan Data	41
Rajah 4.1	Responden Sedang Membuat Patung Wayang Kulit	78

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI SINGKATAN

<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>PKPP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
<b>SOP</b>	Prosedur Operasi Standard
<b>JKKN</b>	Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kelantan
<b>WHO</b>	Pertubuhan Kesihatan Dunia
<b>KKM</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>PdP</b>	Pengajaran Dan Pembelajaran
<b>KPT</b>	Kementerian Pengajian Tinggi
<b>IPT</b>	Institusi Pengajian Tinggi
<b>ROS</b>	Jabatan Pendaftaran Negara
<b>MKN</b>	Majlis Keselamatan Negara
<b>MOTAC</b>	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
<b>TIC</b>	Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan
<b>KRAFTANGAN</b>	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
<b>PAS</b>	Parti Islam SeMalaysia
<b>SOP</b>	Prosedur Operasi Standard
<b>CENDANA</b>	Penubuhan Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan
<b>UNESCO</b>	Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>ASWARA</b>	Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan warisan budaya. Menurut Howard (2003), warisan merupakan sesuatu yang dipelihara dan diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Warisan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Warisan budaya ketara merupakan sesuatu yang kekal dapat dilihat dan dipegang merangkumi kawasan, monumen dan bangunan (Akta Warisan Kebangsaan, 2005), manakala warisan tidak ketara ialah ilmu yang diturunkan melalui lisan, adat, budaya, bahasa dan persuratan yang merangkumi acara perayaan, ritual, seni persembahan, seni perubatan tradisional, permainan tradisional, gurindam, pantun, nyanyian, tarian, muzik, lirik lagu, ungkapan tradisi dan cerita lisan rakyat (Akta Warisan Kebangsaan, 2005).

Seni persembahan sebagai salah satu warisan tidak ketara yang merujuk kepada muzik tradisional, tarian dan teater. Persembahan teater tradisional adalah persembahan yang menggabungkan lakonan, nyanyian, tarian, lagu, dialog dan penceritaan. Seni persembahan tradisional bukan hanya sekadar persembahan kepada penonton yang menonton tetapi ianya memainkan peranan sebagai hiburan untuk masyarakat ketika menjalankan kerja pertanian dan menjadi muzik di dalam sesebuah ritual (UNESCO, 2003).

## 1.2 Penyataan Masalah

Wayang Kulit merupakan salah satu hiburan masyarakat Melayu. Wayang kulit ialah teater tradisional yang dipersembahkan menggunakan cahaya dan bayang. Bayang-bayang yang terhasil adalah daripada bayangan patung-patung kulit yang menggambarkan watak-watak metodologi (penghasilan watak wayang kulit) dan khayalan yang dimainkan oleh dalang (Abdullah, 2003). Patung-patung kulit ini dimainkan oleh seorang dalang dan diiringi oleh sekumpulan pemain muzik yang memainkan gamelan, serunai dan juga rebab. Persembahan wayang kulit memerlukan kerjasama daripada dalang dan kumpulan muzik untuk menjadikan persembahan tersebut lebih sempurna (Amirul, 2018).

Namun demikian, disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh dunia pergerakan yang melibatkan orang ramai telah disekat dan dilarang oleh kerajaan. Tindakan ini diambil bagi mencegah penularan jangkitan Covid-19 dari menjangkiti masyarakat. Segala bentuk aktiviti masyarakat perlulah mematuhi Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP). Menurut Ni Made (2020), masyarakat harus mematuhi SOP dalam menjalankan aktiviti sosial seperti aktiviti belajar, bekerja dan beribadah yang melibatkan orang ramai.

Hal ini memberi kebimbangan kepada pengamal tempatan wayang kulit dalam membuat persembahan kerana aktiviti keramaian adalah dilarang oleh pihak kerajaan. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada kesan-kesan yang timbul akibat pandemik Covid-19 kepada pengamal tempatan wayang kulit dan juga kepada persembahan wayang kulit di Kelantan.

### 1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk menjawab pernyataan masalah yang dinyatakan di dalam kajian ini seperti:

- a) Apakah kepentingan wayang kulit kepada masyarakat Kelantan?
- b) Apakah kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit Kelantan disebabkan pandemik Covid-19?
- c) Apakah penyelesaian dalam mengatasi kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit Kelantan?

### 1.4 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti kepentingan wayang kulit Kelantan kepada masyarakat Kelantan.
- b) Mengkaji kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit Kelantan disebabkan pandemik Covid-19.
- c) Menganalisis penyelesaian dalam mengatasi kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit Kelantan.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan di dalam kajian ini, yang melibatkan individu, masyarakat dan institusi.



### 1.5.1 Individu

Menerusi kajian ini individu dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang wayang kulit, di samping dapat memberi perspektif baru dan berbeza terhadap seni warisan yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji dapat memahami sejarah dan konsep wayang kulit dengan lebih mendalam. Golongan muda terutamanya mahasiswa dan mahasiswi merupakan individu penting dalam membantu pihak kerajaan dalam menyebarkan kepentingan seni warisan wayang kulit kepada masyarakat umum. Seterusnya, kajian ini dapat menyemai semangat mencintai warisan budaya dalam diri setiap individu supaya setiap nilai warisan dapat dipelihara, dikekalkan dan diturunkan kepada generasi akan datang.

### 1.5.2 Masyarakat

Kajian ini juga dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai persembahan wayang kulit. Persembahan wayang kulit sebagai medium untuk masyarakat Kelantan berhibur. Wayang Kulit juga sebagai identiti masyarakat Melayu yang menunjukkan rasa kebersamaan dan kesatuan di antara mereka. Melalui kajian ini masyarakat dapat mengetahui kepentingan wayang kulit kepada masyarakat dan kepada negara. Untuk memastikan kelestarian wayang kulit, masyarakat haruslah bersama-sama menjaga warisan seni wayang kulit dengan menyokong persembahan wayang kulit.

### 1.5.3 Institusi

Melalui kajian ini, institusi dapat mengetahui kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit akibat daripada pandemik Covid-19. Persembahan wayang kulit dibatalkan berikutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain itu, institusi juga dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan dalam melaksanakan langkah pemeliharaan dan pemuliharaan wayang kulit. Institusi seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dapat menganjurkan program-program kesenian yang berkaitan dengan wayang kulit untuk memastikan persembahan wayang kulit terus dapat dimainkan.

### 1.6 Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tentang kesan-kesan yang timbul akibat daripada pandemik Covid-19 kepada pengamal tempatan wayang kulit di Kelantan. Melalui kajian ini, pengkaji mengenalpasti kepentingan wayang kulit Kelantan kepada masyarakat Kelantan. Pengkaji juga turut mengkaji kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit Kelantan disebabkan pandemik Covid-19. Kajian ini turut menganalisis penyelesaian dalam mengatasi kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit Kelantan. Kajian ini hanya tertumpu kepada negeri Kelantan sahaja. Pengkaji telah memilih daerah Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Kuala Krai dan Machang untuk mengumpulkan maklumat dan data yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual dan pemerhatian. Kaedah temubual yang dilakukan adalah temubual bersemuka, informal dan semi-struktur. Kaedah pemerhatian pula adalah pemerhatian tidak turut serta. Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder di dalam pengumpulan data.

Data primer adalah data yang diperolehi daripada kaedah temubual dan pemerhatian. Data sekunder pula adalah data yang diperolehi daripada sumber bertulis seperti kajian lepas, jurnal dan buku.

Seterusnya, pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan. Pengkaji telah menemubual 10 responden yang terdiri daripada empat orang dalang wayang kulit, dua orang pensyarah seni persembahan Universiti Malaysia Kelantan, seorang pegawai Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan, seorang pegawai Muzium Kelantan dan dua orang komuniti setempat. Kajian ini telah menggunakan analisis tematik untuk menganalisis data yang telah diperolehi.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa limitasinya iaitu, yang pertama kajian ini hanya melibatkan seni wayang kulit Kelantan sahaja. Yang kedua, Kajian ini hanya melibatkan pengamal tempatan wayang kulit di Kelantan sahaja. Lokasi untuk kajian ini adalah dijalankan di beberapa daerah Kelantan dan tidak menyeluruh kepada seluruh negeri Kelantan. Kajian adalah terhad dan tidak mewakili kepada semua aspek. Kajian ini hanya menfokuskan kepada kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan sahaja.

### **1.8 Struktur Kajian**

Projek penyelidikan ini mengandungi lima bab. Mengikuti selepas bab ini adalah bab dua. Bab dua mengetengahkan sorotan kajian yang menerangkan mengenai pandemik Covid-19 dan warisan budaya iaitu warisan budaya ketara dan tidak ketara. Bab ini juga membincangkan sejarah wayang kulit Kelantan dan kepentingannya kepada masyarakat

Kelantan. Bab dua turut menghuraikan perbincangan mengenai teori struktural fungsional yang boleh diaplikasikan di dalam persembahan wayang kulit.

Bab tiga pula menjelaskan mengenai metodologi bagi kajian ini. Bab ini menerangkan pendekatan kualitatif yang digunakan oleh pengkaji iaitu kaedah temubual dan pemerhatian. Di dalam bab tiga, pengkaji telah menemubual 10 responden bagi mendapatkan data dan maklumat mengenai tajuk kajian. Bab tiga juga menerangkan analisis yang digunakan pengkaji iaitu analisis tematik.

Seterusnya, bab empat membincangkan hasil dapatan kajian bagi mencapai objektif kajian ini. Terdapat sembilan bahagian yang telah disusun mengikut kesesuaian tema iaitu pertama, wayang kulit di Kelantan, kedua pengamal wayang kulit di Kelantan, ketiga pengurusan wayang kulit di Kelantan, keempat peranan wayang kulit kepada masyarakat Kelantan, kelima kepentingan wayang kulit, keenam perubahan di dalam wayang kulit, ketujuh kesan pandemik Covid-19 kepada wayang kulit, kelapan pelestarian wayang kulit oleh pihak berkepentingan dan kesembilan pelestarian oleh pengamal wayang kulit.

Bab lima merumuskan dan menyimpulkan kajian bagi kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan. Pengkaji juga turut menyatakan cadangan kajian pada masa hadapan untuk mengembangkan lagi kajian yang berkaitan dengan wayang kulit. Khususnya kajian di dalam pelestarian wayang kulit menggunakan teknologi moden.

## BAB DUA

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab Dua menerangkan tentang teori dan kajian lepas yang berkaitan dengan sejarah dan perkembangan persembahan wayang kulit Kelantan. Bab ini terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu: pertama adalah mengenai pandemik Covid-19 kepada warisan budaya; kedua ialah mengenai warisan budaya iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Bahagian ketiga menceritakan tentang aspek wayang kulit Kelantan dengan lebih mendalam seperti sejarah wayang kulit Kelantan, konsep penceritaan wayang kulit Kelantan dan pengamal wayang kulit di Kelantan. Bahagian keempat bagi bab ini menjelaskan mengenai kepentingan wayang kulit kepada masyarakat Kelantan dan bahagian terakhir menerangkan aplikasi teori wayang kulit.

#### 2.2 Pandemik Covid-19 kepada Warisan Budaya

Pada 2019, wabak *coronavirus* telah merebak ke seluruh dunia, bermula di wilayah Hubei, China dan telah tersebar ke negara lain. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan kecemasan kesihatan sedunia pada 30 Januari 2020 disebabkan berlakunya peningkatan kes di China dan di negara-negara lain (Velavan & Meyer, 2020). Terdapat beberapa simptom awal yang dialami oleh pesakit Covid-19 seperti demam, pening kepala, sakit badan, batuk dan sukar bernafas. Simptom ini menjadi lebih teruk sekiranya tidak dirawat lebih awal (Mohd Daud, 2020).

Penularan pandemik Covid-19 di Malaysia bermula pada 23 Januari 2020 berikutan dengan kes penahanan lapan orang pelancong Cina yang telah datang bersama dengan pesakit yang positif Covid-19. Diikuti pula dengan kes seorang kanak-kanak warga Cina yang disyaki mempunyai simptom Covid-19 tetapi ibu bapanya tidak mahu anaknya dikuarantinkan. Seterusnya, kes positif Covid-19 telah meningkat apabila salah seorang peserta ijtihak tabligh telah disahkan positif Covid-19. Perhimpunan ijtihak tabligh yang diadakan pada 27 Februari hingga 1 Mac 2020 telah dihadiri seramai 16,000 peserta (Magi et al., 2020).

Peningkatan kes positif Covid-19 menjadikan kerajaan Malaysia mengambil tindakan yang lebih tegas dalam membendung penularan Covid-19 dengan melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara selama 14 hari. PKP dilaksanakan untuk mengawal pergerakan orang ramai supaya mereka duduk di rumah bagi mengelakkan muncul kluster baru Covid-19 (Mohd Daud, 2020). Kementerian Kesihatan Malaysia juga menasihatkan orang ramai supaya terus patuh pada Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) dan mengamalkan norma baharu iaitu mengelakkan 3S/3C sesak (*crowded place*), sempit (*confined space*) dan sembang dengan jarak yang dekat (*close conversation*) dan mengamalkan 3W iaitu *wash, wear, dan warn* (KKM, 2020).

Akibat penularan pandemik Covid-19 pelbagai sektor politik, ekonomi dan sosial telah terjejas. Menurut Bloom (2020), perintah berkurung yang bertujuan untuk menyekat penularan Covid-19 telah memberi kesan yang ketara kepada ekonomi di mana penurunan penganjuran acara seni dan kebudayaan telah melambatkan pertumbuhan sektor hiburan untuk tempoh lima tahun akan datang. Selain itu, banyak aktiviti keramaian terpaksa diberhentikan akibat pandemik Covid-19. Sejak penularan pandemik Covid-19 yang semakin kritikal di seluruh negara, semua organisasi dan

syarikat produksi di dalam sektor media, seni dan hiburan di seluruh dunia telah diarah untuk membatalkan, menunda dan menghentikan aktiviti yang melibatkan khalayak ramai (Magi et al., 2020).

Selain itu, pandemik Covid-19 juga mempengaruhi bidang bekalan seperti pengedaran, pembungkusan dan juga sumber bahan mentah. *Lockdown* telah mengganggu pengangkutan makanan yang dibungkus, makanan yang disediakan dan minuman bukan alkohol dan alkohol. Sementara itu juga, beberapa syarikat terpaksa ditutup untuk tujuan pembersihan (Telukdarie et al., 2020). Sekatan perjalanan dan *lockdown* akibat pandemik Covid-19 telah menjejaskan rantaian bekalan kerana kekurangan pekerja tempatan dan pekerja asing. Kekurangan tenaga kerja menyebabkan gangguan di beberapa sektor seperti sektor pengeluaran, penanaman, penuaian dan pemrosesan (Stephens et al., 2020).

*COVID-19 Strategic Preparedness and Response Plan (SPRP 2021)* yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia atau *World Health Organization (WHO)* telah menyediakan langkah-langkah kesihatan yang boleh diikuti oleh seluruh negara dalam menghadapi pandemik Covid-19 (World Health Organization, 2021). Terdapat lapan topik utama yang digariskan oleh WHO (2021) di dalam rancangan ini iaitu:

- i. Penyelarasan, perancangan dan pemantauan di peringkat negara
- ii. Risiko komunikasi dan penyertaan masyarakat
- iii. Pengawasan, pasukan tindak balas dan penyiasatan kes
- iv. Tempat masuk
- v. Makmal kebangsaan
- vi. Pencegahan dan kawalan jangkitan



vii. Pengurusan situasi

viii. Operasi sokongan dan logistik

Pelaksanaan langkah-langkah tersebut menyebabkan penutupan tempat kerja, institusi pendidikan dan juga sekatan perjalanan dan perjumpaan sosial. Kemudahan bekerja dari rumah dan mesyuarat secara atas talian telah menjadi satu kebiasaan ketika keadaan pandemik. Namun, pekerja yang bekerja di industri makanan tidak mempunyai pilihan untuk bekerja dari rumah kerana mereka perlu menjalankan rutin kerja mereka seperti biasa (Nicola et al., 2020).

Penularan pandemik Covid-19 menjadikan masyarakat mengadaptasi kehidupan dengan norma baharu. Sejak berlakunya pandemik Covid-19, penggunaan media digital telah meningkat secara mendadak dan orang ramai mengubah aktiviti pekerjaan, sosial dan pendidikan kepada platform digital bertetapan dengan arahan ‘duduk di rumah’ atau memenuhi syarat ‘jarak sosial’ yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk mengawal penularan Covid-19 (Samaroudi et al., 2020).

Seterusnya, kerajaan Malaysia juga menggalakkan semua sektor pekerjaan dan pendidikan untuk bekerja dan belajar secara atas talian bagi mengelakkan penularan Covid-19. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan ‘Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian (PdP) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan’ untuk memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran dan dapat belajar dalam keadaan yang selamat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut memaklumkan bahawa aktiviti akademik di kampus Institusi Pengajian Tinggi (IPT) harus dilakukan secara atas talian (Mohd Salleh, 2020).



Disebabkan berlakunya pandemik Covid-19 kebanyakan kursus dan bengkel diadakan dalam talian secara percuma. Contohnya, *Performing Arts Hub Norway* telah menubuhkan satu kumpulan di *Facebook* untuk menghubungkan artis-artis dan syarikat supaya mereka dapat bertukar maklumat. *Performing Art Hub Norway* juga dikenali sebagai Persatuan Seni Persembahan Norway. Persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1977 yang bertujuan untuk menunjukkan sokongan kepada syarikat seni persembahan bebas yang bekerja di luar institusi teater (*Performing Arts Hub Norway*, 2013).

Oleh itu, kebanyakan organisasi dan persatuan mengambil tindakan dalam mengumpul maklumat dan sumber yang lain supaya dapat membimbing ahli seni professional yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Kempen Antarabangsa untuk Kesenian atau *National Campaign for the Arts* (NCA) juga telah melancarkan satu tinjauan bagi mengesan kerugian dan kesan kepada seni masyarakat Ireland. (Polivtseva, 2020).

### **2.3 Definisi Warisan Budaya**

Warisan budaya melambangkan sejarah dan identiti sesebuah masyarakat dan negara. Budaya merujuk kepada keseluruhan yang kompleks yang merangkumi ilmu, kepercayaan, kesenian, akhlak, undang-undang, adat, keupayaan dan tabiat manusia sebagai ahli masyarakat (Tylor, 1958). Warisan pula ditakrifkan sebagai objek, amalan, pengetahuan dan persekitaran yang telah dikekalkan secara generasi (Geismar, 2015). Warisan budaya adalah cara hidup yang dibangunkan oleh masyarakat dan telah diwarisi dari generasi ke generasi. Menurut ICOMOS (2002), warisan budaya juga dinyatakan sebagai warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara.

Penggubalan Akta Warisan Kebangsaan (2005) penting kepada warisan budaya Malaysia. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005, p.16) warisan negara bermaksud mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan budaya bawah laut atau mana-mana orang yang hidup dinyatakan sebagai warisan negara di bawah Seksyen 67. Akta Warisan Kebangsaan (2005) membantu dalam menyelesaikan masalah warisan budaya. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nation Educational Scientific Cultural Organization* (UNESCO) telah membantu seluruh negara dalam menentukan komponen warisan budaya dan negara Malaysia telah mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh UNESCO.

Konvensyen Mengenai Perlindungan Dunia Warisan Budaya dan Semula Jadi atau *UNESCO's Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage* (1972) dan Akta Warisan Kebangsaan (2005) telah mentakrifkan warisan budaya ketara dengan klasifikasi yang berikut:

monumen: karya seni bina, karya arca dan lukisan monumental, unsur atau struktur yang bersifat arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan gabungan ciri, yang mempunyai nilai universal yang luar biasa daripada sudut pandangan sejarah, seni atau sains;

kumpulan bangunan: kumpulan bangunan berasingan atau bersambung kerana seni bina mereka, kehomogenan mereka atau tempat mereka dalam landskap, adalah daripada nilai sejagat yang cemerlang dari sudut sejarah, seni atau sains;

tapak: karya manusia atau gabungan kerja alam dan manusia, kawasan termasuk tapak arkeologi yang mempunyai nilai universal yang luar biasa daripada sudut pandangan sejarah, estetika, etnologi atau antropologi (UNESCO, 1972, p.2).

Warisan ketara merujuk kepada sesuatu yang kekal, dapat dilihat dan dipegang (Kechot et al., 2012). Warisan budaya ketara dibahagikan kepada statik dan mudah alih (Yusoff, 2018). Ianya berbentuk sama ada rupa atau artifak yang dapat dirasai melalui sentuhan (Kechot et al., 2012). Warisan budaya tidak ketara pula merujuk kepada aktiviti budaya yang terhasil daripada hasil tindak balas berdasarkan pengamatan terhadap persekitaran dan alam untuk memenuhi ruang kehidupan seharian mereka (Yusoff, 2018). Menurut UNESCO (2003, p.4) di dalam Perkara 2 (1) warisan tidak ketara ialah 'amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan, kemahiran - serta instrumen, objek, artifak dan ruang kebudayaan yang berkaitan dengannya - bahawa komuniti, kumpulan dan dalam sesetengah kes, individu yang diiktiraf sebagai sebahagian daripada warisan kebudayaan mereka' (UNESCO, 2003).

Di dalam Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya Tidak Ketara, UNESCO turut menyenaraikan lima domain utama warisan budaya tidak ketara. Lima domain utama ini merangkumi tradisi lisan dan ungkapan, seni persembahan, amalan sosial, ritual dan acara perayaan, pengetahuan dan amalan mengenai alam semula jadi dan alam semesta dan pertukangan tradisional (UNESCO, 2003). Akta Warisan Kebangsaan Malaysia (2005, p.17) mentakrifkan warisan kebudayaan tidak ketara;

... termasuklah mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah wujud atau wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia.

Akta Warisan Negara (2005) adalah sebagai akta yang memperuntukkan pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap warisan kebangsaan, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara dan juga warisan semula jadi (Yusoff et al., 2011). Akta Warisan Negara (2005) menyumbang kepada dasar dan peraturan yang dapat diaplikasikan untuk perlindungan dan pengurusan bagi khazanah warisan negara Malaysia.

### **2.3.1 Warisan Budaya di Malaysia**

Malaysia mempunyai pelbagai warisan budaya iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Terdapat pelbagai contoh warisan budaya ketara seperti bangunan bersejarah di Malaysia. Antaranya ialah A Famosa, Bangunan Merah, Bangunan Sultan Abdul Samad dan sebagainya. Bangunan-bangunan bersejarah ini terkenal dengan seni bina dan ukirannya (Yusoff, 2018). Antara contoh warisan budaya ketara yang lain adalah artifak. Terdapat beberapa koleksi-koleksi artifak yang sangat berguna kepada Malaysia terutamanya artifak-artifak yang terdapat di Muzium Seni Asia Universiti Malaya. Artifak tersebut dibahagikan kepada empat kategori iaitu yang pertama ialah artifak kegunaan harian seperti pinggan mangkuk, acuan kuih dan alatan dapur. Kedua adalah artifak keperluan harian yang mempunyai nilai kesenian seperti kain songket, benang emas, ukiran rumah dan hiasan pada pinggan mangkuk. Ketiga ialah artifak yang berkait dengan nilai budaya setempat atau suku kaum seperti topeng kaum Mah Meri dan yang keempat adalah artifak yang berkait dengan nilai keagamaan seperti arca dewa, batu nisan dan kitab suci (Jais & Abdul Rashid, 2007).

Selain itu, terdapat juga artifak lain yang mempunyai nilai yang tinggi seperti songket. Songket diperbuat dari tenunan kain yang berkualiti dan tinggi nilainya (Aziz, 2015). Antara songket yang terkenal sebagai warisan negara adalah seperti kain tenun

Diraja Pahang. Menurut Isa (2009) kain tenun Diraja Pahang adalah seni warisan negeri Pahang yang diwarisi turun temurun oleh wanita Melayu di negeri Tok Gajah.

Seterusnya, warisan budaya tidak ketara di Malaysia terdiri daripada adat resam, pantang larang, tradisi makanan, seni persembahan dan sebagainya. Contohnya, terdapat kepercayaan-kepercayaan lama yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat kini seperti kepercayaan memuja semangat padi. Kepercayaan ini juga telah dipraktikkan oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam (Osman, 1988). Mereka percaya bahawa amalan pemujaan dapat menjadikan hasil tuaian padi mereka semakin bertambah.

Selain daripada itu, masyarakat Melayu juga masih mengamalkan beberapa adat-adat Melayu di dalam kehidupan seharian mereka seperti adat melenggang perut, adat mencukur jambul, adat penanaman uri, adat merisik dan lain-lain lagi. Bagi adat melenggang perut, ianya dilakukan kepada wanita yang mengandung untuk memastikan kedudukan dan jantina bayi. Adat ini juga dilakukan untuk mengelakkan bayi daripada diganggu oleh benda ghaib (Borhan et al., 1996).

Warisan tidak ketara merangkumi tradisi masyarakat yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Masyarakat adalah sebagai pemelihara warisan untuk mengekalkan warisan supaya dapat diturunkan kepada generasi akan datang. Menurut Mohd Hussein et al., (2001), transmisi dan pemeliharaan warisan adalah penting dalam menentukan adat dan amalan sebagai kepunyaan bagi satu-satu masyarakat.

#### **2.4 Wayang Kulit Kelantan**

Seni persembahan merangkumi ungkapan budaya yang menunjukkan kreativiti masyarakat. Seni persembahan teater tradisional menggabungkan lakonan, nyanyian, tarian, muzik, dialog, penceritaan dan deklamasi yang melibatkan patung (UNESCO,

2003). Menurut Hamid (1998), wayang kulit adalah persembahan tradisional bagi masyarakat melayu yang dikelaskan sebagai seni drama. Seni drama di dalam persembahan adalah gabungan dari seni lakon, tari dan vocal (Wan Yusoff, 1988).

Wayang Kulit Kelantan merupakan satu persembahan bayang yang masih lagi aktif di bahagian utara semenanjung Malaysia khususnya di negeri Kelantan dan selatan Thailand (Chiong & Wong, 2015). Dahulu, persembahan wayang kulit bukan hanya sebagai bentuk hiburan, tetapi juga untuk tujuan pemujaan dan perubatan. Berbeza dengan sekarang, wayang kulit dimainkan bagi menghiburkan tetamu atau penonton (Wan Ariffin & Abdullah, 2015).

#### **2.4.1 Sejarah Wayang Kulit Kelantan**

Wayang Kulit Kelantan merupakan teater tradisional wayang kulit yang juga dikenali sebagai wayang Siam (Kia, 2014). Di Malaysia wayang kulit Kelantan terkenal di negeri-negeri pantai timur dan juga di Patani, Thailand. Menurut Yousuf (1994), Malaysia dan Indonesia menggunakan istilah wayang kulit kerana patung wayang diperbuat daripada kulit. Panggilan untuk wayang kulit berbeza-beza mengikut negeri. Contohnya di Kelantan, wayang kulit dikenali sebagai wayang kulit Kelantan atau wayang Siam dan di Selatan Thailand wayang kulit dikenali sebagai wayang kulit Kelantan atau wayang Siam Kelantan (Mastusky, 1997).

Persembahan wayang kulit juga terdapat di China, India, Jepun, Rusia, England, Turki dan Perancis. Walaupun begitu, persembahan wayang kulit di negara-negara ini mempunyai konsep dan identiti mereka sendiri. Selain dari bentuk patung, gaya dan penggunaan alat muzik juga berbeza (Jufry & Rahman, 2018). Disebabkan wayang kulit wujud di pelbagai negara, terdapat pelbagai teori tentang asal-usul wayang kulit.



Menurut Rentse (1936), persembahan wayang kulit yang tertua berasal dari Jawa sebelum datangnya pengaruh agama Hindu. Wayang Kulit berasal dari India dan kemudiannya tersebar ke Asia Tenggara disebabkan oleh pengaruh Hindu di Tanah Melayu (Brandon, 1970).

Sarjana dari Thailand juga mengemukakan bahawa wayang kulit yang bersaiz besar iaitu Nang Yai dibawa masuk ke Thailand dari India melalui Indonesia dan Tanah Melayu (Sheppard, 2016). Menurut Brunet (1974), wayang kulit berasal dari India. Terdapat persamaan pada bentuk patung wayang kulit Kemboja, Nang Sbek dan patung wayang kulit Thailand, Nang Yai dengan patung wayang kulit di Kerala, Orisa dan Andha Pradesh, India. Persembahan wayang kulit di Asia Tenggara juga dipengaruhi oleh bentuk awal wayang kulit Jawa. Secara umumnya seni persembahan Jawa dipengaruhi oleh budaya India terutamanya dari gaya persembahan dan penceritaan kisah Ramayana dan Mahabrata (Osnes, 2010).

Menurut Che Mat Jusoh (2010), asal usul wayang kulit bermula dari seorang pedagang Cina bernama Mak Erot yang sering berulang alik berdagang dari Thailand ke tanah Jawa. Kapal mereka telah karam di perairan Kelantan disebabkan oleh ribut. Mak Erot dan suami menyelamatkan diri mereka dengan berpaut pada dua patung wayang Jawa yang bernama Semar dan Turas. Mereka bernazar akan bermain wayang kulit jika mereka terselamat daripada lemas. Akhirnya, mereka terselamat dan melunaskan nazar mereka dengan membuat persembahan wayang kulit. Persembahan wayang kulit yang dimainkan oleh Mak Erot dan Pak Erot mula mendapat perhatian dan sambutan dari masyarakat setempat. Mak Erot mula mengumpulkan alat muzik seperti canang dan gamelan sebagai muzik iringan untuk persembahan wayang kulit (Jufry & Rahman, 2018).

#### 2.4.2 Konsep Penceritaan Wayang Kulit Kelantan

Penceritaan berperanan menyampaikan mesej. Penceritaan diilhamkan daripada epik, legenda, fiksyen, cerita rakyat atau dongeng (Ghani, 2011). Wayang Kulit Kelantan amat menekankan persembahan ceritanya. Penceritaan wayang kulit Kelantan dibahagikan kepada dua jenis penceritaan yang utama iaitu cerita pokok dan cerita ranting. Pembahagian yang pertama ialah cerita pokok atau cerita asas, iaitu cerita Maharaja Wana yang berdasarkan Hikayat Seri Rama (Kia, 2014). Cerita pokok ialah cerita yang mengisahkan kisah sebelum terjadinya peristiwa Seri Rama dan adiknya Laksamana menembak anak panah ke arah sasarannya untuk memenangi Sita Dewi (Zahari, 2013).

Pembahagian kedua ialah cerita ranting. Cerita ranting direka mengikut imaginasi dan panduan seni daripada himpunan epik Ramayana (Yousuf, 2008). Cerita ranting mengisahkan pengembaraan watak-watak utama dalam Hikayat Maharaja Wana seperti Seri Rama, Siti Dewi, Laksamana dan Hanuman Kera Putih. Sebahagian cerita ranting juga menggunakan cerita rakyat tradisional Melayu iaitu watak Pak Dogol dan Wak Long. Sebagai contoh, cerita ranting bertajuk 'Wak Long Menjadi Raja' digunakan secara meluas oleh dalang-dalang di Kelantan pada tahun 1970 (Matusky, 1997). Pengamal tempatan wayang kulit telah mengembangkan sambungan cerita ranting Ramayana. Cerita ranting telah menjadi kebiasaan penceritaan dalam persembahan wayang kulit Kelantan (Yousuf, 1997).

Penceritaan wayang kulit Kelantan menjadikan epik Mahabrata dan Ramayana sebagai sumber material mereka. Epik Mahabrata dan Ramayana membawa tema yang dominan terhadap seni visual, persembahan, kesusasteraan dan agama (Ghani, 2011).



Hikayat Seri Rama dan Hikayat Maharaja Wana versi bahasa Melayu menjadi sumber utama dalam penceritaan wayang kulit Kelantan.

Selain itu, penceritaan wayang kulit Kelantan juga mengambil beberapa penceritaan dari persembahan versi wayang kulit Thailand dan wayang kulit Indonesia. Di antara episod yang diperolehi daripada versi Thailand dan Indonesia adalah seperti Ramakien Thai dan Kakawin Ramayana Jawa lama (Yousuf & Khor, 2017). Terdapat beberapa perubahan yang dilakukan oleh pengamal wayang kulit seperti pemendekan cerita dan pengurangan jumlah watak daripada Hikayat Seri Rama dan juga Hikayat Maharaja Wana. Hal ini dibuktikan berdasarkan kebanyakan set patung wayang kulit milik pengamal wayang kulit hanya mengandungi 60 potongan patung dan set ini mencukupi untuk penyampaian persembahan wayang kulit (Yousuf & Khor, 2017).

Watak utama di dalam wayang kulit Kelantan merupakan Seri Rama sebagai pahlawan dan Maharaja Wana sebagai penjahat (Chiong & Wong, 2015). Di dalam Hikayat Maharaja Wana, Seri Rama ingin mencari Siti Dewi setelah diculik oleh Maharaja Wana. Seri Rama berjaya menyelamatkan Siti Dewi dan mengalahkan Maharaja Wana. Watak-watak yang lain seperti Laksamana, Hanuman, Pak Dogol dan Wak Long juga membantu Seri Rama mengejar Maharaja Wana. Versi cerita ini adalah sama dengan epik Ramayana yang asli tetapi beberapa watak seperti watak Pak Dogol dan Wak Long tidak wujud di dalam versi terakhir epik Ramayana. Watak Pak Dogol dan Wak Long telah diperkenalkan oleh Dalang Ya'akob, yang dikenali sebagai Semar dan Turas di dalam Wayang Jawa (Mohamad Azim, 2011). Pak Dogol dan Wak Long muncul dalam cerita-cerita ranting dan menjadi watak utama (Yousuf, 2004).

### 2.4.3 Pengamal Wayang Kulit di Kelantan

Negeri Kelantan mempunyai banyak kumpulan wayang kulit yang terkenal. Di antara dalang yang masih aktif melakukan persembahan wayang kulit bersama ahli kumpulan mereka adalah dalang Pak Dain, dalang Pok Nik Mat Suara Emas, dalang Che Leh, dalang Yusoff Mamat, dalang Eyo Hock Seng dan beberapa dalang lagi (Zain et al., 2019).

Dalang wayang kulit Kelantan yang terkenal iaitu Hamzah Awang Amat atau dikenali sebagai Pak Hamzah telah dianugerahkan sebagai Anugerah Seniman Negara oleh Yang Dipertuan Agong Malaysia pada Disember 2003. Beliau dilahirkan pada tahun 1940 di Kampung Kebakat, Kelantan. Beliau bukan sahaja seorang pemain wayang kulit tetapi juga pembuat alat persembahan wayang kulit. Beliau telah berusaha mengangkat seni wayang kulit ke peringkat antarabangsa (Abdullah, 2003).

Mohamed Nasir Bin Yusuff yang lebih dikenali sebagai Pak Nasir telah memimpin kumpulan wayang kulit di Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau dianggap sebagai pewaris Pak Hamzah dan menjadi satu-satunya wakil pelatih di ASWARA. Seterusnya, Pak Soh atau nama sebenar beliau Yusuff Bin Mamat. Pak Soh mempunyai pengalaman lebih dari 40 tahun dalam mempraktikkan seni wayang kulit Kelantan. Beliau telah menjadi dalang pada tahun 1981.

Muhammad Dain Othman yang lebih dikenali sebagai Pak Dain mempunyai kelulusan di dalam Ijazah Sarjana Muda Antropologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 1978. Beliau bekerja sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan (Wayang Pak Dain, 2013). Pak Dain adalah dalang professional yang juga merangkap sebagai pelestari wayang kulit Kelantan. Pak dain telah mendapat tunjuk ajar tentang seni wayang kulit daripada dalang-dalang terkenal

iaitu Pak Hamzah, Yusuf Bin Hassan dan Omar Yunus. Pak Dain telah menjadi dalang pada tahun 1982. Pak Dain kini memimpin kumpulan wayang kulit Kelantan di Kampung Morak, Kelantan (Kia, 2014).

## **2.5 Kepentingan Wayang Kulit Kepada Masyarakat Kelantan**

Wayang Kulit mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam masyarakat. Persembahan wayang kulit sebagai seni persembahan yang menyeluruh, berperanan sebagai hiburan, penyembuhan, pembersihan rohani, kesenangan semangat dan pendidikan budaya (Osnes, 2010). Wayang Kulit menunjukkan wujudnya hubungan tuhan dengan manusia dan manusia dengan manusia. Menurut Anggoro & Maret (2018), manusia yang beragama adalah terikat dengan tuhannya. Manusia yang beragama menjauhi larangan dan melaksanakan suruhan tuhannya. Manusia percaya dengan berserah kepada tuhan, tuhan dapat memberikan keselamatan kepada mereka.

Perkara ini dibuktikan dengan cerita lakon wayang yang mempunyai makna dan fungsinya seperti upacara adat yang menunjukkan rasa syukur kepada tuhan. Bentuk teater tradisional Melayu dipersembahkan untuk majlis kerohanian dan penyembuhan seperti memanggil semangat, menyambut semangat, pelepas niat dan membayar nazar (Tan, 2014). Wayang kulit juga berperanan sebagai media untuk masyarakat menyambung silaturrahim sesama mereka (Suryadi, 2015). Penonton muda menikmati visual wayang kulit dan jalan cerita yang melibatkan pergaduhan, kejar mengejar dan percintaan manakala golongan dewasa menikmati aspek falsafah dan penyampaian identiti budaya di dalam persembahan wayang kulit (Osnes, 2010).

Selain itu, wayang kulit juga berfungsi sebagai pembelajaran yang mengandung pendidikan budi pekerti seperti keteladanan, kebaikan, kebijakan, kepahlawanan dan lain-lain lagi (Walujo, 2007). Persembahan wayang kulit dapat memberi nasihat-nasihat tentang budi pekerti kepada kanak-kanak. Sebagai contoh wayang kancil, wayang kancil merupakan kisah dongeng yang menyampaikan nilai-nilai budi pekerti. Penceritaannya yang mengisahkan tentang kancil yang bijak pandai dalam menyelesaikan masalah yang menimpanya.

Persembahan juga sebagai tujuan terapi. Terapi merupakan salah satu peranan dalam persembahan wayang kulit terutamanya dalam menstabilkan emosi, menyelesaikan masalah dan mengurangkan kerisauan. Masyarakat Melayu terdahulu menggunakan kaedah ini dan telah wujud rawatan mengubat penyakit ‘sakit angin’ yang dikaitkan dengan persembahan teater tradisional seperti Mak Yong, Mek Mulung, Barongan dan Kuda Kepang (Bujang, 2007).

Persembahan teater tradisional juga merupakan persembahan yang berkait dengan semangat kekitaan. Sebagai contoh, persembahan teater tradisional seperti dikir barat yang masih dimainkan sehingga kini. Kumpulan dikir barat terdiri daripada tukang karut, juara dan beberapa awak-awak (Mohd Rapi, 2014). Dikir barat dimainkan dengan juara dan pemandu saling membalas sahutan di antara mereka (Bujang, 2007). Fungsi komunikasi persembahan teater rakyat memegang kepada konsep perpaduan dan semangat kekitaan yang ditunjukkan di dalam persembahan (Bujang, 2007).

Wayang Kulit Kelantan mempunyai nilai seni yang tinggi dan menggambarkan kemahiran pertukangan yang tidak dapat diganti. Namun untuk bertahan di dalam era globalisasi, wayang kulit memerlukan alternatif baru seperti *media output* untuk didigitalkan, dipromosikan dan dipaparkan ke skrin dan ke dunia siber (Kia, 2014).

Menurut Kaplin (1994), wayang kulit dalam bentuk digital dapat menyumbang kepada pemeliharaan nilai sejarah, rohani dan nilai cerita rakyat. Dengan menggunakan kemajuan teknologi, seni budaya dan warisan dapat dihasilkan semula dan dipelihara dengan cara yang lebih interaktif berbanding dengan rakaman biasa (Chee & Talib, 2006).

Berikutan dengan pandemik Covid-19 yang melanda negara, banyak persembahan terpaksa dibatalkan. Menurut analisis daripada Ampere, sebuah syarikat data dan analisis, pandemik Covid-19 dan *lockdown* memberi kesan kepada penggiat seni dan pengiklanan. Tetapi pertumbuhan siaran video secara talian dan digital meningkat apabila muncul norma baharu menggantikan kebiasaan sebelum ini (Bloom, 2020).

Oleh itu, wayang kulit digital dilihat sebagai kategori baru dalam seni persembahan (Wang, 2010). Menurut Kerlow (2004) jenis perincian aplikasi yang digunakan dalam animasi komputer dan kesan visual merangkumi animasi komputer 3D, penggabungan gambar, tangkapan gerakan dan dakwat dan cat digital. Imej yang dihasilkan oleh komputer (CGI) adalah aplikasi grafik komputer 3D yang menghasilkan kesan khas dalam seni, video permainan, animasi, iklan, simulasi dan media cetak (Kia, 2014). Wayang kulit digital adalah contoh awal pemulihan wayang kulit. Persembahan wayang kulit direkod dan diubah kepada format media yang telah dirakam supaya penonton dapat menonton persembahan wayang kulit di skrin media seperti televisyen dan komputer pada bila-bila masa dan di mana sahaja (Kia, 2014).

Menurut Edward De Bono (1992), pemikir industri abad ke-21 merupakan era dominasi bagi gambar digital dan teknologi maya yang canggih. Bersesuaian dengan norma baru, penggiat seni boleh menggunakan media sosial untuk mempromosikan dan

memasarkan karya mereka kepada orang ramai (Magi et al., 2020). Penonton dapat melihat gambar digital yang terdiri daripada lukisan multimedia, video bergambar yang dikongsi di internet (Hersland, 2001).

Menurut John Naisbitt pakar motivasi dan pengarang buku *Megatrend*, pembebasan (emansipasi) merupakan cara bagaimana penggiat seni boleh membuat perubahan mengikut konteks yang baru. Penggiat seni berkarya dengan menggunakan pendekatan baru dan lebih inovatif di dalam perkaryaan dan penyebaran karya mereka (Magi et al., 2020).

## **2.6 Teori Struktural Fungsional Dalam Persembahan Wayang Kulit**

Teori struktural fungsional oleh Talcott Parsons menerangkan teori yang boleh diaplikasi oleh wayang kulit. Parsons melihat masyarakat sebagai kumpulan sistem sosial yang saling berhubungan di antara satu sama lain dan saling bergantung dengan fungsi masing-masing. Teori struktural fungsional mempunyai latar belakang kelahiran yang sama di antara kehidupan organisma dan struktur sosial. Parsons juga mendefinisikan fungsi sebagai aktiviti kumpulan bagi melengkapkan sesuatu keperluan atau keperluan sistem (Bernard Raho, 2007). Teori struktural fungsional yang juga dikenali sebagai *structural functional* ialah hasil daripada pengaruh teori sistem, yang diadaptasi dari ilmu biologi yang menekankan tentang cara berorganisasi dan mempertahankan sistem.

Terdapat lima fungsi wayang kulit kepada masyarakat iaitu hiburan, teladan, penyebaran agama, identiti dan budaya. Wayang Kulit sebagai aktiviti yang memenuhi keinginan manusia untuk berhibur. Persembahan wayang kulit memberi keseronokan dalam menghiburkan hati masyarakat. Menurut Matusky (1997), persembahan wayang

kulit sebagai satu bentuk hiburan yang dimainkan sama ada di bandar atau di kampung. Konsep hiburan ini membolehkan masyarakat berkumpul bersama-sama menonton persembahan wayang kulit. Secara tidak langsung masyarakat dapat menjalani kehidupan yang aman dan harmoni sesama mereka.

Wayang Kulit berfungsi sebagai teladan kepada masyarakat. Masyarakat dapat mengambil iktibar daripada penceritaan wayang kulit. Penyebaran nilai-nilai murni daripada penceritaan wayang kulit menyumbang kepada pengurangan masalah sosial di dalam kalangan masyarakat. Wayang kulit memainkan peranan dalam menyebarkan cerita-cerita teladan yang boleh dijadikan pengajaran kepada masyarakat. Persembahan wayang kulit boleh digunakan dalam pembangunan akhlak, menyampaikan mesej-mesej tertentu yang mendidik dan dapat memotivasikan semangat masyarakat (Purwanto & Salatiga, 2018).

Wayang Kulit juga sebagai medium penyebaran agama. Agama adalah penting dalam kehidupan masyarakat. Melalui wayang kulit, tersebarnya ajaran agama di mana masyarakat dapat mengambil ajaran tersebut untuk dijadikan sebagai salah satu prinsip hidup mereka. Salah satu media yang digunakan oleh para wali dalam menyebarkan Islam ialah melalui seni wayang kulit (Indriyanto, 2017). Secara tidak langsung dengan adanya agama, masyarakat dapat menjalani kehidupan yang harmoni dengan prinsip yang telah dipegang oleh mereka.

Seterusnya, wayang kulit sebagai identiti dan budaya kepada masyarakat Kelantan. Wayang Kulit sebagai aktiviti masyarakat bagi memenuhi masa lapang mereka. Budaya merupakan asas utama dalam memenuhi keperluan manusia (Kempny, 1992). Wayang Kulit membentuk identiti masyarakat Kelantan. Identiti budaya menunjukkan konsep yang berkaitan dengan subbudaya, kebangsaan, etnolinguistik dan



kaum. Identiti budaya juga ditakrifkan sebagai sosiologi dan demografi individu atau kumpulan tertentu (Kim, 2007). Teori struktural fungsional menunjukkan wayang kulit dan budaya masyarakat Melayu saling berkait. Persembahan wayang kulit membantu masyarakat berkongsi minat, berinteraksi dan bersosial di antara satu sama lain.

## **2.7 Kesimpulan**

Bab ini telah merumuskan bahawa pandemik Covid-19 menyebabkan masyarakat tidak dapat melakukan aktiviti sosial. Orang ramai telah beralih kepada penggunaan teknologi dalam melakukan pekerjaan mereka. Selain itu, bab ini juga merumuskan sejarah wayang kulit Kelantan dan kepentingan wayang kulit kepada masyarakat. Wayang Kulit adalah penting kepada masyarakat terdahulu dan sekarang. Wayang Kulit berperanan sebagai hiburan, teladan, penyebaran agama, identiti dan budaya. Hal ini bersesuaian dengan pengaplikasian teori struktural fungsional dalam wayang kulit Kelantan.



## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab Tiga menerangkan tentang metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian mengenai kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan. Bab ini bertujuan memberi penjelasan bagaimana kajian dijalankan dan bagaimana data-data diperolehi dan dianalisis untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif kajian. Pendekatan kualitatif yang digunakan adalah menfokuskan kepada kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Seterusnya, pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian iaitu pensampelan bertujuan di dalam kajian ini. Bagi analisis data pula, pengkaji menggunakan analisis tematik untuk mengeluarkan tema daripada hasil dapatan kajian.

#### 3.2 Pendekatan Kajian: Kajian Kualitatif

Pendekatan kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif digunakan untuk melihat dan menghuraikan suatu keadaan mengikut konteksnya. Pendekatan kualitatif juga digunakan untuk mencari makna dan memberi pemahaman yang mendalam tentang sesuatu masalah yang dihadapi serta gambaran dan kata-kata yang diungkapkan oleh pelaku dalam keadaan semulajadi atau '*natural setting*' (Muri Yusuf, 2017). Menurut Hamdi & Bahruddin (2015), pendekatan kualitatif ialah pendekatan yang menganalisis dan menghuraikan fenomena, peristiwa,

aktiviti sosial, sikap, kepercayaan dan pandangan seseorang terhadap sesuatu. Kaedah kualitatif berbeza dengan kaedah kuantitatif. Pendekatan kualitatif bergantung kepada data seperti teks dan gambar, serta mempunyai langkah yang unik dalam menganalisis data (Creswell, 2018, p.287). Kaedah penyelidikan kualitatif dikembangkan oleh individu di mana pengetahuan baru diperoleh (Wertz et al., 2011, p.15).

Data kualitatif terhasil daripada kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Pendekatan kualitatif bergantung kepada persekitaran semula jadi dan interaksi secara bersemuka, iaitu interaksi secara langsung dengan responden dan melihat perbuatan responden tersebut mengikut keadaan mereka.

Catatan lapangan dari kajian lapangan menjadi rujukan utama dalam pendekatan kualitatif. Menurut Yin (2003), data yang terpenting dalam kajian kualitatif adalah temubual. Ini adalah kerana pengkaji dapat memperoleh data dengan lebih terperinci dan dapat menjawab persoalan kajian. Pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji berinteraktif dengan sampel kajian menggunakan cara yang lebih realistik untuk mendapatkan data dan maklumat daripada sampel kajian berbanding dengan tinjauan dan carta.

### **3.3 Sumber Kajian**

Kaedah pengumpulan data merupakan cara pengkaji mendapatkan data dan maklumat tentang tajuk kajian. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah untuk menambahkan data tentang tajuk kajian. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan dalam mendapatkan data iaitu data primer dan data sekunder.

### 3.3.1 Data Primer

Data primer merupakan data utama yang digunakan untuk mengumpul data semasa kajian dijalankan. Menurut Sugiyono (2013), data primer adalah sumber langsung yang dikumpul oleh pengkaji. Data primer memerlukan data dan maklumat dari sumber responden. Data dan maklumat diperolehi melalui pertanyaan dengan menggunakan kaedah temubual (Sarwono, 2006). Kaedah pemerhatian dilakukan untuk memerhati dan mengenalpasti persekitaran dengan lebih mendalam. Kaedah temubual pula dijalankan untuk mengetahui dengan lebih terperinci akan konteks kajian supaya kenyataan yang diberikan oleh responden dapat menjadi bukti yang kukuh di dalam isi kajian ini.

### 3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada sumber yang telah wujud untuk dijadikan rujukan untuk membuat kajian. Data sekunder sebagai data tambahan yang boleh didapati dari sumber bertulis seperti artikel, buku, majalah dan sebagainya. Data sekunder menjadi sokongan kepada pernyataan yang diulas di dalam kajian. Menurut Sekaran (2011), sumber data sekunder adalah sumber yang datang dari catatan, dokumentasi, analisis, internet dan sebagainya. Data kajian ini telah dikumpulkan melalui dua cara iaitu melalui kajian kepustakaan dan sumber internet. Menurut Sarwono (2006), pengkaji memperoleh data sekunder dengan menggunakan bahan dari perpustakaan untuk memahami pendekatan kualitatif yang digunakan di dalam kajian.

#### i. Kajian Kepustakaan

Pengkaji telah memperolehi dan mengumpul maklumat dan data menggunakan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan merujuk kepada bahan-bahan rujukan seperti buku, tesis, artikel, akhbar dan jurnal. Pengkaji telah mencari rujukan-rujukan yang berkaitan dengan pengamal seni wayang kulit, wayang kulit dan pandemik Covid-19. Pengkaji telah merujuk kepada sumber kepustakaan untuk memahami sejarah wayang kulit dan kepentingan wayang kulit kepada masyarakat Melayu.

#### ii. Sumber Internet

Pengkaji turut mengumpulkan maklumat dari bahan elektronik iaitu sumber-sumber internet. Ini bagi mendapatkan lebih banyak bahan rujukan dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bahan rujukan yang dijumpai di internet sebagai rujukan tambahan dan bahan sokongan yang dapat memudahkan pengkaji membuat penyelidikan. Pengkaji telah melayari laman sesawang Jabatan Kebudayaan dan Kesenian, Muzium Kelantan, Sci Hub dan Z-Library untuk mendapatkan sumber yang berkaitan seni persembahan wayang kulit dan juga sejarah wayang kulit Kelantan.

### **3.4 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian merupakan cara yang digunakan pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat tentang tajuk kajian. Kaedah kajian yang digunakan pengkaji untuk kajian ini ialah kaedah temubual dan kaedah pemerhatian.

### 3.4.1 Temubual

Kajian ini menggunakan kaedah temubual. Temubual adalah proses interaksi antara penemubual (*interviewer*) dan individu yang ditemubual (*interviewee*) dalam mendapatkan maklumat melalui interaksi secara langsung. Temubual dilakukan secara bersemuka iaitu percakapan bertatap muka di antara penemubual dan individu yang ditemubual (Muri Yusuf, 2017, p.372).

Temubual adalah penting kerana pengkaji dapat berjumpa dengan responden secara langsung. Jika terdapat sumber maklumat yang tidak betul, maklumat tersebut dapat dibetulkan dengan segera. Kaedah temubual dapat memberikan maklumat yang lengkap dan bukti yang kukuh kepada hasil data yang diperoleh. Kaedah temubual juga memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan spesifik. Pengkaji juga dapat mengajukan soalan tambahan kepada responden supaya jawapan yang di terima adalah sesuai dengan tajuk kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat tentang tajuk kajian. Temubual merupakan proses komunikasi dua hala antara pengkaji dengan individu atau kumpulan. Pengkaji ingin mengetahui apa yang ada dalam fikiran seseorang yang ditemubualnya (Patton, 2015, p. 426). Temubual juga perlu apabila kita tidak dapat mengenalpasti perlakuan, perasaan atau bagaimana manusia melihat keadaan sekeliling mereka dan juga apabila berminat dengan peristiwa yang telah lepas yang mustahil untuk ditiru (Merriam, 2009).

Terdapat tiga jenis struktur temubual iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Kajian ini menjalankan temubual bersemuka dan temubual berstruktur iaitu temubual yang pernyataan dan susunan soalan sudah ditentukan. Temubual berstruktur dapat menentukan jumlah struktur yang dikehendaki oleh pengkaji (Merriam, 2009). Seramai 10 responden telah dipilih sebagai responden kajian bagi mengenalpasti kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan. Responden-responden yang ditemubual adalah mempunyai kaitan dengan seni persembahan wayang kulit. Responden-responden adalah terdiri daripada pengamal seni wayang kulit dan pihak berkepentingan. Empat responden kajian ini adalah terdiri daripada dalang-dalang kumpulan wayang kulit manakala enam responden yang lain adalah daripada pihak berkepentingan.

Pengkaji menggunakan kaedah temubual bersemuka, temubual informal dan temubual separa berstruktur kepada 10 orang responden iaitu empat orang dalang daripada kumpulan wayang kulit yang berbeza, dua orang pensyarah seni persembahan daripada Universiti Malaysia Kelantan, seorang pegawai Muzium Kelantan, seorang pegawai Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, negeri Kelantan (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1) dan dua orang komuniti setempat. Pengkaji telah berjumpa dengan responden dan menemubual kesemua responden dengan soalan-soalan separa berstruktur yang telah disediakan oleh pengkaji.



Rajah 3.1: Temubual bersama responden

(Gambar Oleh Nik Nur Ainaa, 2021)

Sebelum pengkaji mengadakan sesi temubual bersama responden, pengkaji memaklumkan terlebih dahulu kepada responden untuk memohon kerjasama responden untuk menjawab soalan yang ditanya dan temubual akan direkodkan (rujuk lampiran). Pengkaji menggunakan perakam audio untuk merekodkan temubual. Rakaman audio digunakan untuk mengumpul dan merakam maklumat perbualan antara pengkaji dan responden. Hal ini supaya pengkaji dapat mendengar semula perkara-perkara yang mungkin pengkaji terlepas pandang. Rakaman audio juga sebagai rujukan di kemudian hari.



Soalan-soalan temubual yang dikemukakan oleh pengkaji adalah berdasarkan objektif kajian iaitu mengenalpasti kepentingan wayang kulit Kelantan kepada masyarakat Kelantan, mengkaji kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit Kelantan disebabkan pandemik Covid-19 dan ketiga menganalisis penyelesaian untuk mengatasi kesan pandemik Covid-19 kepada wayang kulit Kelantan. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan buku catatan untuk mencatat maklumat yang disampaikan oleh responden ketika temubual dijalankan. Buku catatan memudahkan pengkaji untuk mencatat maklumat-maklumat penting ketika temubual. Pengkaji juga dapat menyemak semula maklumat-maklumat yang telah ditulis selepas temubual tamat.

#### 3.4.2 Pemerhatian

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan maklumat tentang tajuk kajian. Pemerhatian melibatkan catatan yang sistematik tentang sesuatu peristiwa, perlakuan, dan objek-objek yang dilihat dan yang diperlukan untuk menjalankan pemerhatian. Pemerhatian penting untuk menemukan interaksi dengan latar belakang semulajadi (Sarwono, 2006). Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Kaedah pemerhatian dapat dilihat di dalam kajian kes, etnografi, dan kajian tindakan kualitatif.

Pengkaji menggunakan pemerhatian tidak turut serta (*non-participant observation*) untuk mengetahui kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan. Di dalam pemerhatian ini, pengkaji tidak turut serta dan hanya menjadi pemerhati (Sugiyono, 2013). Tujuan pemerhatian ialah



supaya pengkaji dapat menjalankan kajian pada sesuatu tempat, menjawab permasalahan dan supaya dapat menentukan apa yang perlu diperhatikan. Pemerhatian bagi kajian ini dilakukan di kawasan yang aktif dengan persembahan wayang kulit seperti di kawasan tempat tinggal kumpulan wayang kulit. Pengkaji telah mencatat segala elemen yang ada seperti kawasan persekitaran, peserta, aktiviti dan perbualan. Melalui kaedah pemerhatian ini pengkaji dapat melihat dan memahami pandemik Covid-19 memberi kesan kepada pengamal dan persembahan wayang kulit.

### **3.5 Pensampelan Kajian**

Pensampelan merupakan proses pemilihan elemen-elemen populasi kajian yang akan dijadikan wakil populasi tersebut. Sampel kajian adalah kumpulan yang akan menjadi sumber maklumat untuk tajuk kajian. Menurut Sugiyono (2013, p.81) pensampelan merupakan sebahagian dari jumlah dan ciri-ciri yang ada pada sesuatu kumpulan. Sampel yang dipilih dari sesuatu kumpulan mestilah benar-benar mewakili kumpulan tersebut. Pensampelan adalah penting kerana ianya dapat menentukan kesahihan, kebolehpercayaan dan kualiti hasil kajian. Pensampelan kajian adalah perlu kerana dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga (Sugiyono, 2013). Pensampelan kajian ialah kumpulan yang akan menjadi sumber informasi untuk kajian ini.

Kajian ini menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian iaitu pensampelan bertujuan. Menurut Sugiyono (2013, p. 86), pensampelan bertujuan adalah teknik pensampelan dengan pertimbangan tertentu. Menurut Jason (2016), dalam pensampelan bertujuan pengkaji bertujuan untuk mencapai populasi tertentu dari segi ciri khas seperti pengalaman atau demografi. Pensampelan bertujuan adalah pemilihan sampel yang

berdasarkan pengetahuan mengenai populasi, elemen dan tujuan kajian. Pensampelan bertujuan adalah untuk mengkaji kumpulan kecil daripada satu populasi yang besar di mana kumpulan kecil lebih mudah dikenalpasti, kerana penghitungan semua ahli populasi adalah mustahil (Babbie, 2007).

Sampel kajian dapat memberikan maklumat-maklumat yang berguna dan penting sebagai dapatan kajian bagi tajuk kajian ini. Pengkaji telah menetapkan ciri sampel kajian untuk ditemubual adalah berdasarkan individu yang mengamalkan kegiatan wayang kulit dan individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai seni persembahan wayang kulit. Pengkaji menetapkan kriteria sampel kajian adalah untuk mendapatkan maklumat, pemahaman dan pandangan yang berbeza tentang kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan.

Sampel kajian telah dipilih berdasarkan pelbagai jenis latar belakang pekerjaan seperti ahli professional dan bukan professional. Latar belakang yang berbeza adalah penting untuk mendapatkan pandangan yang berbeza dalam memahami tajuk kajian. Pengkaji telah mengkategorikan setiap responden seperti responden 1, responden 2, responden 3 sehingga responden 10.

Jadual 3.1: Responden Kajian

(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

<b>Kod</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Anggaran Umur</b>
Responden 1	Dalang	60an
Responden 2	Dalang	60an
Responden 3	Pensyarah Seni Persembahan Universiti Malaysia Kelantan	50an
Responden 4	Dalang	60an
Responden 5	Pegawai Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan	50an
Responden 6	Pegawai Muzium Kelantan	50an
Responden 7	Dalang	50an
Responden 8	Komuniti Setempat	40an
Responden 9	Pensyarah Seni Persembahan Universiti Malaysia Kelantan	50an
Responden 10	Komuniti Setempat	20an

Seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.1, berikut adalah kod yang digunakan untuk mengkategorikan setiap responden yang telah ditemubual. Responden kajian adalah terdiri daripada pelbagai pekerjaan dan lingkungan umur. Responden kajian ini terdiri daripada dalang kumpulan wayang kulit yang masih aktif melakukan persembahan wayang kulit dan pihak-pihak berkepentingan. Pengkaji telah menemubual dalang-dalang dari kumpulan wayang kulit yang berbeza untuk berkongsi perasaan dan tanggapan mereka terhadap kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit disebabkan pandemik Covid-19. Responden 1 adalah dalang bagi kumpulan

Wayang Kulit Pak Dain, responden 2 adalah dalang bagi kumpulan Wayang Kulit Sri Campuran, responden 4 adalah dalang bagi kumpulan Wayang Kulit Kelab Kebudayaan Pulau Tebu dan responden 7 adalah dalang bagi kumpulan Wayang Kulit Sri Cindayu.

Seterusnya, enam responden adalah dari pihak berkepentingan iaitu responden 3 dan responden 9 ialah pensyarah seni persembahan dari Universiti Malaysia Kelantan, responden 5 ialah pegawai Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian, responden 6 ialah pegawai Muzium Kelantan, dan responden 8 dan 10 ialah komuniti setempat.

Pengkaji telah memaklumkan kepada *gatekeeper* sebelum memulakan kajian ini. Pengkaji telah menelefon Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, negeri Kelantan (JKKN) dan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) bagi mendapatkan nombor telefon kumpulan-kumpulan wayang kulit yang boleh dihubungi. *Gatekeeper* yang diiktiraf oleh masyarakat setempat ialah ketua kampung, penyedia perkhidmatan, pemimpin agama, pemimpin politik dan organisasi yang memberi akses kepada masyarakat setempat (Seidman, 2006).

Pengkaji telah menelefon setiap responden untuk memaklumkan tentang temubual yang akan dilakukan. Pengkaji mendapat persetujuan daripada kesemua responden untuk menemubual mereka pada hari dan waktu yang telah ditetapkan. Pengkaji menemubual responden di tempat yang telah dipersetujui di antara responden dan pengkaji. Pengkaji telah pergi ke rumah dan kelab wayang kulit responden-responden. Menurut Marshall & Rossman (2016), langkah-langkah yang diambil untuk memasuki lokasi dan mengkaji peserta atau situasi harus dibincangkan. Kebenaran untuk memasuki tempat kajian memerlukan rundingan dan kebenaran antara pengkaji dan *gatekeeper* (Gay & Airasian, 2003). Segala maklumat yang diperolehi semasa temubual telah dimasukkan ke dalam laporan penyelidikan. Temubual yang dijalankan

bersama responden-responden dapat menyumbang kepada kesahihan data yang telah dikumpulkan untuk kajian ini.


### **3.6 Analisis Data: Analisis Tematik**

Analisis data ialah langkah yang penting di dalam aktiviti penyelidikan yang menyumbang kepada ketepatan dan kesahihan hasil kajian. Pengkaji harus memilih teknik yang sesuai dengan data dan maklumat yang ada untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat. Teknik yang tidak betul dan data yang tidak sah akan menyebabkan hasil dapatan kajian bertentangan dengan kenyataan yang ada di lapangan (Muri Yusuf, 2017, p. 251).

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik dalam menyimpulkan hasil dapatan kajian daripada maklumat dan data yang diperolehi. Analisis tematik adalah proses mengenalpasti corak atau tema dalam data kualitatif. Terdapat dua faktor utama yang menyebabkan pengkaji memilih analisis tematik iaitu mudah diakses dan fleksibel dalam mengenalpasti corak dan menafsirkan data (Braun & Clarke, 2006). Menurut King (2004), analisis tematik adalah kaedah yang berguna untuk mengkaji perspektif yang berbeza di antara sampel kajian dan dapat menonjolkan persamaan dan perbezaan pandangan.

Terdapat tiga hasil daripada dapatan kajian ini iaitu dari hasil sorotan kajian, pemerhatian dan temubual. Menurut Braun Dan Clarke (2006), analisis tematik merupakan kaedah untuk mengenalpasti, menganalisis dan membentuk tema-tema yang relevan dari data kajian. Analisis tematik melibatkan aktiviti pengkodan dan menganalisis data secara sistematik, serta melibatkan teori dan konsep yang berkaitan dengan kajian (Braun & Clarke, 2016). Analisis tematik tidak terikat dengan

epistemologi atau perspektif teori tertentu. Ini menjadikan analisis tematik sebagai kaedah yang fleksibel. Pengkaji dapat membentuk tema yang bersesuaian dengan kajian. Menurut Auerbach & Silverstein (2003), proses menganalisis data kualitatif adalah seperti menaiki tangga, bermula dengan teks kemudian mengenal pasti teks, mencari idea yang berulang dalam teks dan mengumpulkannya sehingga terbentuknya tema.



Rajah 3.2: Pemprosesan Data

Terdapat enam peringkat yang terlibat di dalam pemprosesan data untuk penyelidikan ini. Berdasarkan Rajah 3.2, pengkaji mentranskrip data, menyusun kod, membina tema, menyemak tema, menghuraikan laporan dan melakukan triangulasi.

Jadual 3.2: Contoh Transkripsi Data

**Informan 1: PAK DAIN**  
**Date of Interview: 17/10/2021**  
**Duration: 49:30**  
**Location: GALERI PAK DAIN**

	Transkrip Temubual
A:	Bagaimanakah penceritaan dalam persembahan wayang kulit?
B:	Main wayang kulit ni bergantung pada permintaan, watak cerita ada 3 kategori pelanggan, 1 pelanggan yang mahir tentang cerita wayang kulit jadi dia akan modified cerita apa yang mereka nak, yang ke 2 pelanggan-pelanggan yang terdiri dari golongan korporat lebih memilih kepada bidang business mereka, yang ke3 pelanggan atau audience, akan diserahkan kepada dalang memilih cerita yang sesuai ikut type of audience
A	Apakah watak-watak yang ada didalam wayang kulit kelantan?
B	Apabila bercakap tentang wayang kulit, wayang kulit melayu asli kelantan atau wayang kulit melayu tradisional very sinonim dengan hikayat maharaja wana, main storynya hikayat maharaja wana ada juga orang panggil hikayat serirama which is establish cerita utama atau cerita pokok dalam wayang kulit melayu tradisional kelantan, ialah cerita hikayat maharajawana so tema cerita tadi ialah perjuangan ataupun peperangan antara serirama watak yang baik dengan angkatannya melawan ramayana laksamana, watak-watak yang disebut tadi tetapi ada orang yang mungkin x nak cerita drpd main story cerita pokok tadi mungkin nak cerita asing terpulang kepada pelanggan la, tapi kalau pelanggan yang tidak tahu menahu bila wayang kulit mereka akan mengharapkan cerita2 yg berkaitan dgn aliran2 ataupun wakil2 drpd 2 karakter tadi..  Watak bergantung kepada cerita.. tanpa cerita mana ada watak..

Pertama, pengkaji melakukan transkrip data. Pengkaji mula mentranskrip data setelah selesai proses temubual bersama 10 responden kajian. Menurut Creswell (2014, p.306), proses menyusun dan menyediakan data untuk dianalisis melibatkan menyalin temubual, mengimbas bahan, menaip nota, mencatat bahan visual dan menyusun data mengikut sumber maklumat. Pengkaji telah mendengar semula rakaman audio temubual dan menukarnya ke dalam bentuk penulisan (seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.2). Pengkaji juga turut melihat semula nota lapangan pengkaji ketika proses mentranskrip data.

Kedua, pengkaji menyusun kod. Pengkaji melihat kepada perkataan yang sering digunakan oleh responden-responden. Pengkaji telah mencatat idea-idea yang ditekankan oleh responden. Menurut Braun & Clarke (2013), sekiranya perekodan data dilakukan secara manual, mereka menyarankan agar pengkaji



menulis nota dengan menggunakan pen berwarna untuk membolehkan pengenalpastian pengulangan data. Setelah pengkaji mengenal pasti idea yang sering digunakan oleh responden, pengkaji menyusun idea-idea tersebut ke dalam satu kategori yang sesuai.

Ketiga, pengkaji membina tema. Pengkaji telah membina tema dengan melihat kepada penyusunan idea kepada kategori-kategori tertentu, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3.3. Tema disusun secara hierarki, mengikut turutan tema dan subtema atau mengikut rangkaian idea yang saling berkait (Attride-Stirling, 2001). Penyusunan idea kepada kategori-kategori tertentu telah memudahkan pengkaji membina tema yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Di antara tema yang telah dibina oleh pengkaji adalah wayang kulit di Kelantan, kemahiran dalang, pengurusan wayang kulit di Kelantan, peranan wayang kulit kepada masyarakat Kelantan, kepentingan wayang kulit, perubahan di dalam wayang kulit, kesan pandemik Covid-19 kepada wayang kulit, pelestarian wayang kulit oleh pihak berkepentingan dan pelestarian wayang kulit oleh pengamal wayang kulit.

Jadual 3.3: Menetapkan kod atau tema untuk transkrip temubual

Informan 2: PAK CU (EN. EYO HOCK SENG)	
Date of Interview: 23/10/2021	
Duration: 53:09	
Location: MUZIUM SENI WARISAN TOK DALANG PAK CU	
	Interview Transcript
A:	Bagaimanakah pencintaan dalam persembahan wayang kulit?
B:	Dia banyak cerita, dia dalei wayang kulit dio ado [cerita Panjang cerita pendek cerita ringkas] mcm2 la dio ado, kita tgk keadaan dio ap nama ni keadae maso tu ore kato nok main 2 jam ko nok main satu jam ko setengah jam ko kita boleh pilih, dia ado byk crt ado sejarah serirama, seri petala parkema andra, hanuman tenggiling, bunga cempaka rindu malam, dia byk cerita dia, berpuluh-puluh cerita dia ada
A	Apakah watak-watak yang ada didalam wayang kulit 7 elantan?
B	Dia dalam wayang kulit ni dia, yang kita kata [watak2 penting] la watak yang dalam cerita watak ni mesti ada, contohnya macam kita kata serirama laksamana dia dua beradik, pahtu permaisuri dia tuan puteri siti dewi anak dia hanuman kera putih lak juna banyak la anak2 dio, ado sebelah pihak watak baik dio panggil, dia ado sebelah plop watak jahat, [watak jahat] tu dio macam raksasa maharajawana macei raktu sang berapi raktu petala bayak la kalau jenis watak jahat ni dio byk nama dio jin, botok ataupun raktu, watak jahat dio selalu apo cerita pun selalu bergaduh2 ni la watak baik nga watak jahat
A	Adakah pencintaan wayang kulit berbeza sebelum pandemik dengan selepas pandemik?
B	Dio segi misalnya kita tgk keadaan cerita la kalau crt pokok macei crt seri petala andra tu maknanya kita kena tambah sikit dio ado watak baru moden sikit lah, maknonyo kita tgk keadaan semasa la sebab ore loni suko bnd2 terbaru kita pun masukkan watak2ni maksudnya di dalei cerita dio maknanya dio x termasuk dalam pokok crt dio la maksudnya masuk ranting2

**Comment [NNAIBAR69]:** Jenis cerita- cerita Panjang, cerita pendek, cerita ringkas

**Comment [NNAIBAR70]:** Ciri pemilihan cerita wayang kulit- bergantung kepada tempat, masa, keadaan

**Comment [NNAIBAR71]:** Tajuk cerita- serirama, seri petala, hanuman tenggiling, bunga cempaka rindu malam

**Comment [NNAIBAR72]:** Watak dalam wayang kulit- serirama, laksamana, siti dewi, hanuman kera putih, lak juna

**Comment [NNAIBAR73]:** Watak- serirama dan laksamana adalah adik beradik, tuan puteri siti dewi adalah permaisuri

**Comment [NNAIBAR74]:** Jenis watak- watak baik, watak jahat (raksasa maharajawana, jin, botok(bota), raktu)

**Comment [NNAIBAR75]:** Tema penceritaan- watak baik bergaduh dengan watak jahat

**Comment [NNAIBAR76]:** Perubahan- watak moden

**Comment [NNAIBAR77]:** Ciri pemilihan cerita dan watak- tenggek keadaan semasa, minat masyarakat

**Comment [NNAIBAR78]:** Tajuk cerita- cerita baru

**Comment [NNAIBAR79]:** Jenis cerita- cerita pokok, cerita ranting

**Comment [NNAIBAR80]:** Peranan wayang kulit

**Comment [NNAIBAR81]:** Peranan- hiburan, mempromosikan muisi, nuzhat

Keempat, pengkaji menyemak tema. Pengkaji menyemak semula tema untuk memastikan kesemua tema yang telah dikategorikan dapat menjawab objektif kajian. Tema boleh diubah, digabungkan, dibahagikan atau dibuang. Analisis yang lengkap adalah apabila pengkaji yakin bahawa tema yang disemak semula adalah meliputi kesemua data untuk dimasukkan ke dalam analisis akhir (Braun & Clarke 2006).

Kelima, pengkaji menghasilkan laporan. Langkah ini melibatkan penulisan analisis akhir dan penerangan tentang penemuan (Braun & Clarke, 2006). Pengkaji menghasilkan laporan berdasarkan data-data yang telah diperolehi. Setelah tema dikenalpasti, laporan penyelidikan dapat dihasilkan. Menurut Braun & Clarke (2013), laporan kajian haruslah menyeluruh dan tidak tertakluk kepada huraian data sahaja dalam membuat perbahasan. Pengkaji telah

menghasilkan laporan yang lengkap hasil daripada penyusunan data dan pengenalpastian tema. Pengkaji turut merujuk kajian literatur untuk menyokong analisis dapatan kajian. Menurut Aronson (1995), merujuk literatur yang berkaitan boleh menambah kekuatan analisis dengan membina sokongan mengapa tema dipilih. Menggunakan penghuraian naratif dan ekstrak perwakilan data iaitu petikan langsung daripada peserta, analisis kajian haruslah menerangkan data dan menyediakan hujah mengapa penjelasan pengkaji hanya menjawab persoalan kajian (Braun & Clarke, 2006).

Keenam, pengkaji melakukan proses triangulasi. Triangulasi data merupakan gabungan sumber data, teori dan metodologi dalam mengkaji sesebuah kajian. Triangulasi adalah penting kerana setiap teknik yang digunakan untuk mengumpul data mempunyai kelebihan dan kelemahannya (Jasmi, 2012). Triangulasi data lebih dipercayai kerana data dapat disahkan dari pelbagai sumber. Kesahihan data meningkat apabila sumber data disahkan dari pelbagai instrumen pengukuran data (O' Connor & Gibson, 2017). Instrumen pengukur data adalah nota lapangan dan pengesahan responden terhadap data temubual. Menurut Flick (2014), triangulasi mengambil beberapa perspektif metodologi atau teori mengenai tajuk kajian yang dipilih.

Kajian ini menggunakan triangulasi teori dan triangulasi data. Triangulasi teori ialah pandangan dari pelbagai sumber responden yang berbeza dalam menafsir data. Triangulasi data pula menggunakan sumber data yang berlainan dalam kajian (Denzin, 1978). Pelbagai pandangan dan teknik dapat memberi kesahihan kepada data kajian. Triangulasi data dikumpulkan melalui sumber yang pelbagai termasuklah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen (Creswell, 2014). Pengkaji mengumpul maklumat daripada responden mengenai

kesan pandemik Covid-19 kepada pangamal wayang kulit di Kelantan dan membandingkan dengan data yang dijumpai dari sumber literatur, kemudian pengkaji mengaitkan dengan tema kajian. Pengkaji telah mendapati hasil daripada temubual responden dan nota lapangan bahawa pangamal wayang kulit terkesan dengan pandemik Covid-19.

### **3.8 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab Tiga telah menjelaskan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah kajian pula adalah temubual dan pemerhatian. Selain itu, pengkaji juga mengumpul data melalui data primer dan data sekunder. Pengkaji menggunakan perakam audio dan buku catatan sebagai alat bantuan kajian untuk merekod dan mencatat maklumat dan data yang didapati ketika temubual dijalankan. Seterusnya, pengkaji menganalisis data menggunakan analisis tematik.

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab Empat menerangkan secara terperinci mengenai analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi daripada kaedah kajian yang telah dilakukan. Bab Empat terbahagi kepada sembilan tema utama iaitu: wayang kulit di Kelantan; kemahiran dalang; pengurusan wayang kulit di Kelantan; peranan wayang kulit kepada masyarakat Kelantan; kepentingan wayang kulit; perubahan di dalam wayang kulit; kesan pandemik Covid-19 kepada wayang kulit; pelestarian wayang kulit oleh pihak berkepentingan dan pelestarian wayang kulit oleh pengamal wayang kulit.

#### **4.2 Wayang Kulit di Kelantan**

Wayang kulit adalah satu bentuk hiburan yang melibatkan penonton dengan menggunakan plot penceritaan rekaan yang diambil dari kisah epik Hindu dan cerita moden untuk menarik minat masyarakat umum (Osnes, 2010). Persembahan wayang kulit merupakan persembahan yang diadakan di hadapan khalayak ramai dan persembahannya memerlukan penonton. Pandemik yang melanda dunia menyebabkan persembahan wayang kulit tidak lagi dapat dimainkan di khalayak ramai. Kesan pandemik Covid-19 menjadikan berlakunya pengurangan penglibatan di antara penggiat seni dan penonton (Polivtseva 2020).

#### 4.2.1 Jenis Cerita Wayang Kulit Kelantan

Persembahan wayang kulit mempunyai penceritaannya yang tersendiri. Penceritaan wayang kulit terbahagi kepada dua jenis penceritaan iaitu cerita pokok dan cerita ranting.

##### a. Cerita Pokok

Repertoir cerita pokok wayang kulit adalah daripada metafora Melayu iaitu dari perkataan Rama yang membawa maksud pokok, akar, batang dan dahan utama (Swellengrebel, 1974). Cerita pokok dalam wayang kulit mengisahkan cerita Hikayat Maharaja Wana atau nama lainnya Hikayat Seri Rama. Hikayat Maharaja Wana dan Hikayat Seri Rama sebagai cerita utama yang dimainkan di dalam wayang kulit Melayu tradisional Kelantan. Cerita ini mengisahkan perjuangan Seri Rama untuk menyelamatkan Siti Dewi yang telah diculik oleh Rawana. Sumber utama repertoir dramatik untuk permainan wayang kulit Malaysia, iaitu wayang kulit Kelantan ialah sastera Hikayat Seri Rama dan lisan Hikayat Maharaja Wana dengan beberapa pengaruh daripada versi epik Patani dari selatan Thailand (Yusof, 2015).

Responden 1 menjelaskan di dalam temubual, cerita pokok di dalam wayang kulit Kelantan adalah cerita Hikayat Maharaja Wana. Responden 1 menjelaskan:

*Wayang Kulit Melayu asli Kelantan atau wayang kulit Melayu tradisional sinonim dengan Hikayat Maharaja Wana, cerita utama Hikayat Maharaja Wana, ada juga orang panggil [atau] Hikayat Seri Rama di mana, ditubuhkan [sebagai] cerita utama atau cerita pokok*

*dalam wayang kulit Melayu tradisional Kelantan (Temubual, 17 Oktober 2021).*

#### b. Cerita Ranting

Cerita ranting merujuk kepada cerita rekaan yang ditokok tambah oleh dalang di dalam penceritaan wayang kulit. Cerita ranting adalah cerita yang berpandukan cerita pokok tetapi telah diolah dan ditambah dari segi watak atau cerita-cerita yang moden. Cerita yang direka adalah mengikut imaginasi dan kekreatifan dalang yang mengambil kira situasi dan keadaan semasa. Di Malaysia cerita sekunder atau cerita lanjutan dikenali sebagai cerita ranting yang menggunakan bahan bukan epik atau imaginasi mereka sendiri (Yousof, 2015).

Responden 3 menjelaskan bahawa cerita ranting merupakan cerita yang telah direka dan diubah berdasarkan cerita pokok iaitu cerita Hikayat Maharaja Wana. Responden 3 menyatakan, '*...selain daripada cerita-cerita pokok tadi tu, terdapat jugak cerita cerita yang dipanggil cerita ranting la, cerita ranting ni asal dia daripada cerita pokok tadi tetapi telah ditokok tambah...*' (Temubual, 24 Oktober 2021).

#### **4.2.2 Genre Cerita Wayang Kulit**

Terdapat dua genre cerita wayang kulit iaitu genre pertama ialah genre percintaan dan genre kedua ialah genre peperangan.



#### a. Percintaan

Cinta dilihat sebagai emosi asas manusia yang ditunjukkan dalam bentuk tindak balas dan tingkah laku (Hatfield & Rapson, 1993). Cerita Maharaja Wana: Ramayana versi bahasa Melayu mengisahkan tentang Seri Rama, yang merupakan jelmaan daripada Vishnu, dewa Hindu. Rama dan saudara-saudaranya mempunyai bapa iaitu Sirat Maharaja, pemerintah Susia Mendarapura. Ibu mereka digilai oleh seorang yang mengerikan iaitu, Maharaja Wana yang dikenali sebagai Ravana, sebagai Raja Langkapuri. Isteri Sirat Maharaja melahirkan seorang anak perempuan bernama Sita Dewi. Sita dibawa pergi dan dibesarkan oleh Maharisi, orang bijak. Berlakon sebagai bapa Sita, Maharisi mengumumkan pertandingan memanah untuk perkahwinan Sita. Rama telah memenangi pertandingan itu dengan bantuan abangnya, Laksmana dan membawa Sita pergi.

Maharaja Wana menginginkan Sita Dewi. Dia marah apabila dia tiba untuk bertanding dalam pertandingan itu dan mendapati Sita telah dibawa pergi oleh Rama. Rama kembali ke kerajaan asalnya bersama isteri barunya. Dia dan isterinya dibuang ke dalam hutan selama empat belas tahun oleh bapanya, yang telah dihasut untuk berbuat demikian oleh salah seorang daripada isterinya yang cemburu. Rama setia pada Sita Dewi sehingga ke akhirnya. Rama bersetuju dan pergi menjalani kehidupannya dalam kesederhanaan ditemani isterinya, Sita Dewi dan abangnya, Laksamana (Osnes, 2010).

## b. Peperangan

Peperangan ialah konflik di antara kumpulan politik yang melibatkan permusuhan dalam tempoh dan saiz yang besar (Frankel, 2001). Menurut Farrell (2013), peperangan harus diperjuangkan dengan tujuan yang baik. Cerita Maharaja Wana: Ramayana versi bahasa Melayu yang turut menceritakan mengenai peperangan di antara Seri Rama dan Maharaja Wana. Peperangan bermula apabila Maharaja Wana menculik Sita dengan menyamar menjadi seekor rusa emas dan meminta Rama untuk menangkapnya. Rama meninggalkan Sita untuk mengejar rusa emas itu.

Setelah itu, Laksamana dan Sita mendengar jeritan Rama yang meminta tolong. Laksamana merasakan ianya adalah satu helah, tetapi Sita memujuk Laksamana untuk pergi membantu Rama. Setelah Laksamana pergi meninggalkan Sita, Sita ditangkap oleh Maharaja Wana dan dibawa pulang ke kerajaannya. Maharaja Wana telah dihalang oleh *Jentayn*, seekor burung yang berkhidmat kepada Rama. *Jentayn* dcederakan oleh Maharaja Wana tetapi dia tidak mati sehingga Rama datang dan mendengar kata-kata terakhirnya yang melaporkan bahawa isteri Rama telah diculik oleh Maharaja Wana. Rama dan Laksamana kemudiannya mengisytiharkan perang terhadap Maharaja Wana untuk membebaskan Sita. Mereka bertemu Hanuman si Monyet Putih, pahlawan luar biasa yang berbakat dan gagah perkasa (Osnes, 2010). Mereka bertiga bersepakat untuk menentang Maharaja Wana.

### 4.2.3 Jenis Pemilihan Cerita Wayang Kulit

Penceritaan wayang kulit ditentukan mengikut beberapa faktor iaitu masa dan tempat. Dalang membuat kajian terlebih dahulu untuk memilih cerita yang bersesuaian dengan tempat persembahan dan masa yang diberikan untuk membuat persembahan. Hal ini supaya cerita yang akan dimainkan menepati ciri keadaan dan penonton di tempat persembahan. Dalang juga harus mengambil kira jenis penonton yang hadir dan isu-isu semasa yang berlaku sebelum memainkan sesebuah cerita supaya persembahan wayang kulit dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat.

Seperti yang dijelaskan oleh Responden 2 (Temubual, 10 Oktober 2021), dalang akan memilih cerita yang bersesuaian dengan masa yang diberikan oleh penganjur kepada kumpulan wayang kulit untuk melakukan persembahan wayang kulit. Perkara ini disokong oleh Responden 4 yang menyatakan, '*...cerita ni ikut kehendak demo [penganjur], kehendak tempat-tempat [persembahan] contohnya kita pergi main rumah orang ke atau kalau dulu ore panggil di main tempat tiket [berbayar] cerita harus sesuai dengan minat orang tua atau generasi muda...*' (Temubual, 3 November 2021).

### 4.2.4 Jenis-jenis Watak Wayang Kulit Kelantan

Jenis-jenis watak wayang kulit Kelantan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu watak mengikut gender, watak protagonis dan watak antagonis.

#### a. Watak Mengikut Gender

Watak-watak wayang kulit dapat dibahagikan kepada dua jenis watak iaitu watak lelaki dan watak perempuan. Antara watak lelaki yang sering disebut di dalam penceritaan wayang kulit Kelantan ialah Seri Rama, Rawana, Laksamana,

Hanuman, Pak Dogol, Samad Dan Said. Watak perempuan di dalam penceritaan wayang kulit Kelantan pula adalah Siti Dewi dan isteri Sirat Maharaja. Responden 10 (Temubual, 3 Disember 2021), menyatakan watak-watak yang terdapat di dalam wayang kulit Kelantan adalah Raja Seri Rama, Siti Dewi, Bujang Laksamana, Hanuman Kera Putih, Wok Long, Pak Dogol, Samad dan Said. Seri Rama dan Laksamana merupakan watak penting di dalam wayang kulit tradisional Kelantan. Seri Rama dan Laksamana merupakan putera raja kepada pemerintah negara iaitu Sirat Maharaja dan Cahaya Bulan (Sweeney, 1972, p.89).

Rawana adalah penjahat utama di dalam penceritaan wayang kulit Kelantan. Watak Rawana juga dikenali sebagai Maharaja Wana di dalam wayang kulit tradisional Kelantan. Hanuman kera putih merupakan raja monyet di dalam Hikayat Maharaja Wana. Hanuman adalah anak kepada Seri Rama dan Sita Dewi. Hanuman adalah seorang yang berwatakan setia, bijak dan berani. Hanuman telah membantu Seri Rama dalam menyelamatkan Siti Dewi (Wong & Yousuf, 2019).

Watak Pak Dogol, Samad dan Said adalah sebagai watak badut yang melakukan adegan-adegan lucu di dalam persembahan wayang kulit. Mereka melakukan aksi-aksi seperti menendang satu sama lain di punggung dan menumbuk hidung sesama mereka (Osnes, 2010). Menurut Kia (2014), Siti Dewi sebagai watak heroin di dalam Hikayat Maharaja Wana. Di dalam wayang kulit Kelantan Siti dewi adalah jelmaan Siti Andang Dewi.

## b. Watak Protagonis

Protagonis merupakan watak yang membimbing sesebuah cerita. Watak protagonis sebagai watak utama dalam penceritaan (Gaikwad, 2016). Seri Rama merupakan watak utama di dalam penceritaan wayang kulit Kelantan. Di dalam Hikayat Maharaja Wana, Seri Rama adalah anak sulung kepada Sultan Sirat Maharaja (Khor & Yousuf, 2017) dan merupakan suami kepada Siti Dewi (Responden 3, Temubual, 24 Oktober 2021). Negeri Sultana Jawa diperintahkan oleh Sirat Maharaja yang kemudiannya diturunkan kepada Seri Rama (Responden 4, Temubual, 3 November 2021). Menurut Responden 3, Seri Rama bersama isterinya Siti Dewi telah dihalau ke hutan oleh ayahnya dan isteri Seri Rama telah diculik oleh Rawana. Apabila Seri Rama menghadapi masalah, Laksamana dan Hanuman Kera Putih akan membantu Seri Rama menyelamatkan keadaan. Responden 3 menjelaskan:

*Cerita yang selalu dimainkan adalah cerita yang berkaitan dengan Seri Rama dengan isteri dia Sita Dewi, bagaimana dia dihalau ke hutan oleh bapak dia, telah dihasut oleh ibu tiri dia, dalam hutan tu Sita Dewi isteri kepada Seri Rama diculik oleh orang jahat, Ramayana nama dia, seorang raja yang jahat, pastu Seri Rama ni berkenalan dengan Hanuman, Hanuman ni raja monyet membantu Seri Rama, untuk mengalahkan Rawana dan ambik balik Sita Dewi (Temubual, 24 Oktober 2021).*

### c. Watak Antagonis

Antagonis pula merupakan watak yang melawan protagonis dengan menghalang protagonis daripada mengejar tujuan utamanya. Antagonis bersifat sebagai seorang yang berkuasa yang mengejar kebendaan yang menguntungkan dirinya (Kamisin & Achin, 2020). Watak antagonis mementingkan diri dan tidak berdisiplin (Gaikwad, 2016). Rawana merupakan watak jahat di dalam cerita wayang kulit Kelantan. Rawana adalah musuh kepada Seri Rama. Berdasarkan cerita Hikayat Maharaja Wana, berlakunya pergaduhan di antara Seri Rama dan Ramayana. Seri Rama telah dibantu oleh Laksamana dan Hanuman untuk mengalahkan Ramayana (Wong & Yousof, 2019). Hikayat Maharaja Wana mengisahkan pergaduhan di antara Seri Rama dan Ramayana. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 1 di mana, '*...cerita Hikayat Maharaja Wana [berfokus kepada] perjuangan ataupun peperangan di antara Seri Rama dengan Ramayana...*' (Temubual, 17 Oktober 2021)

Epik Ramayana mengisahkan peperangan di antara Seri rama dan Rawana. Peperangan di antara mereka berlaku apabila Rawana melakukan kejahatan dengan menculik dan menyiksa Sita iaitu isteri Rama (Balakrishnan et al., 2019). Responden 2 menyatakan di dalam temubual, bahawa persembahan wayang kulit mengisahkan tentang pergaduhan yang berlaku di antara watak jahat iaitu Rawana dan watak baik iaitu Seri Rama. Menurut Responden 2, '*...watak jahat dalam jenis cerita macam mana pun akan selalu bergaduh dengan watak baik...*' (Temubual ,23 Oktober 2021).

### 4.3 Kemahiran Dalang

Dalang berperanan sebagai ketua kumpulan yang bertanggungjawab dalam persembahan wayang kulit. Proses pembelajaran dalang dimulakan dengan kaedah ritual yang dikenali sebagai ‘perturun dalang’. Upacara ‘perturun dalang’ melibatkan persetujuan dalang tua sebagai guru, untuk menurunkan ilmu dan pengetahuan wayang kulit kepada dalang muda (Osman, 2001). Dalang berkemampuan dalam memahami, menterjemah dan memelihara makna yang ada di sebalik bentuk persembahan wayang kulit seperti ritual, cerita, patung dan alat muzik.

Dalang bertanggungjawab di dalam persembahan dan penceritaan wayang kulit. Dalang boleh memilih untuk mempersembahkan sama ada cerita pokok atau cerita ranting. Cerita-cerita yang dimainkan oleh dalang haruslah bersesuaian dan bertetapan dengan keadaan dan masa yang diberikan. Dalang berkemahiran dalam memendekkan dan memanjangkan cerita-cerita di dalam persembahan wayang kulit. Menurut Responden 9 (Temubual, 1 November 2021), cerita-cerita ranting adalah cerita yang direka oleh tok dalang. Tok dalang mempunyai kemahiran untuk mereka cerita-cerita wayang kulit menjadi cerita pendek atau cerita panjang.

Dalang mempunyai kemahiran yang serba boleh. Kemahiran seorang dalang tidak hanya tertumpu kepada aspek wayang kulit sahaja tetapi juga seni persembahan yang lain. Dalang mempunyai kemahiran dalam pembuatan patung wayang kulit dan alat-alat muzik. Dalang juga mahir di dalam seni persembahan yang lain. Responden 2 menjelaskan bahawa, ‘...saya bukan hanya bermain wayang kulit, tetapi juga bermain dikir barat, mak yong dan teri. Untuk wayang kulit saya sebagai tok dalang, untuk dikir barat saya sebagai tukang karut, untuk makyong dan main teri saya sebagai pemain muzik...’ (Temubual, 23 Oktober 2021).



#### 4.4 Pengurusan Wayang Kulit di Kelantan

Pengurusan wayang kulit di Kelantan terbahagi kepada beberapa aspek iaitu jenis pengurusan kumpulan wayang kulit, penganjuran persembahan wayang kulit, bayaran untuk persembahan wayang kulit, tempat persembahan wayang kulit dan penonton wayang kulit.

Setiap kumpulan wayang kulit adalah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (ROS) dan pihak bertanggungjawab seperti pihak Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, negeri Kelantan (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN) dan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) bagi mengurus dan menjaga kumpulan-kumpulan wayang kulit. Hal ini untuk memastikan setiap kumpulan wayang kulit mendapat pengurusan yang teratur dan menyeluruh daripada pihak bertanggungjawab.

Selain itu, kumpulan wayang kulit digalakkan mendaftarkan kumpulan mereka supaya segala bentuk bantuan yang telah diperuntukkan kepada penggiat-penggiat seni dapat mereka perolehi. Responden 9 menjelaskan bahawa kumpulan mereka berdaftar dengan Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, negeri Kelantan (JKKN) dan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC). Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 9, '*...[kumpulan] berdaftar dengan ROS, JKKN, TIC, sebab kita [kumpulan] dah berdaftar dengan pertubuhan jadi senang kalau orang nak salurkan duit dan bagi bantuan...*' (Temubual, 1 November 2021).

Responden 1 menyatakan perkara yang sama di mana, '*...saya dibawah pengurusan MOTAC dan JKKN dan urusetia di Kelantan ni TIC dan KRAFTANGAN...*' (Temubual, 17 Oktober 2021).

#### 4.4.1 Penganjuran Persembahan Wayang Kulit

Persembahan wayang secara tradisionalnya dimainkan di majlis keramaian seperti majlis perkahwinan atau upacara berkhatan. Persembahan wayang kulit yang dilakukan adalah secara percuma dan tidak dikenakan bayaran. Jenis persembahan ini dipanggil sebagai ‘main peri’ iaitu bermain percuma. Persembahan yang dianjurkan oleh perusahaan perniagaan pula dipanggil sebagai ‘main pajak’ iaitu bermain dengan bayaran. Penganjur dan dalang akan membahagikan hasil yang diperolehi sesama mereka (Swellengrebel, 1974).

Sebelum tahun 1990-an, persembahan wayang kulit dapat dibahagikan kepada tiga jenis bentuk persembahan wayang kulit iaitu bentuk pertama, penganjur ataupun dalang menganjurkan persembahan yang berbayar di mana mereka mengumpul tiket kemasukan penonton. Bentuk kedua ialah individu perseorangan yang berminat dengan wayang kulit membayar kumpulan wayang kulit untuk membuat persembahan dan bentuk ketiga adalah orang yang berniat dan bernazar yang berniat untuk memanggil kumpulan wayang kulit membuat persembahan. Kumpulan wayang kulit juga masih melakukan persembahan wayang kulit di tempat ‘pelepas niat’ dan majlis-majlis perkahwinan. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Responden 1:

*Sejarah pada tahun sebelum 1990an dia ada tiga jenis bentuk persembahan wayang kulit ni, satu yang banyak dibuat adalah persembahan secara ‘fun show’. di mana dalang atau penganjur panggil kumpulan wayang kulit untuk buat persembahan dan kumpul tiket, satu bentuk lagi di mana orang-orang perseorangan yang berminat dengan wayang kulit dipanggil sebagai ‘padah’, dia panggil pasukan wayang kulit untuk main dan bayar guna wang sendiri tanpa ada penjualan tiket, yang ketiga ialah ada orang yang berniat, bernazar,*

*majlis kahwin, majlis-majlis dan sebagainya, persembahan wayang kulit untuk memeriahkan waktu malam (Temubual, 17 Oktober 2021).*

#### **4.4.2 Bayaran Untuk Persembahan Wayang Kulit**

Pembayaran yang dibuat kepada kumpulan wayang kulit untuk membuat satu-satu persembahan adalah tidak tetap. Jumlah pembayaran biasanya ditentukan oleh jarak perjalanan sama ada jauh atau dekat. Bayaran untuk persembahan wayang kulit adalah berbeza mengikut pada jarak tempaat. Bayaran untuk persembahan di dalam negeri adalah berbeza dengan persembahan di luar negeri (Responden 2, Temubual, 10 Oktober 2021). Responden 7 menjelaskan, ‘...*kalau kita main dekat-dekat [dalam negeri kelantan] kita ambik RM1000, kalau luar Kelantan RM5000-RM8000 satu malam, tengok jauh dekat, contoh Kuala Lumpur RM5000...*’ (Temubual, 26 November 2021).

Pembayaran yang dilakukan adalah mengikut persetujuan yang telah ditetapkan di antara penganjur dan kumpulan wayang kulit. Kumpulan wayang kulit akan menandatangani kontrak perjanjian yang telah dipersetujui antara mereka. Pembayaran dilakukan melalui dua bentuk pembayaran sama ada deposit ataupun bayaran penuh. Seperti yang diterangkan di dalam temubual oleh Responden 1,

*Bayaran biasanya dibuat selepas kontrak ditandatangani, ada penganjur tertentu lepas persembahan dia [penganjur] bayar penuh, ada penganjur tertentu dia mintak satu bulan, dia bayar 50% pastu satu bulan kemudian baru dia akan bayar penuh, tengok pada atas persetujuan la (Temubual, 17 Oktober 2021).*

Responden 9 juga menerangkan perkara yang sama di mana, bayaran yang dikenakan adalah mendapat persetujuan kedua-dua pihak iaitu pihak penganjur dan pihak kumpulan wayang kulit. Menurut Responden 9, '*...tu [bayaran] dia tengok atas persetujuan penganjur dengan pemain-pemain, biasanya kita ambik deposit dulu, kalau jadi selepas persembahan tu baru bagi deposit penuh la...*' (Temubual, 1 Disember 2021).

Bayaran yang diterima oleh kumpulan wayang kulit akan dibahagikan sesama mereka. Terdapat kumpulan yang membahagikan bayaran secara sama rata di antara ahli-ahli kumpulan mereka dan terdapat juga kumpulan yang membahagikan bayaran secara tidak sama rata iaitu dalang mendapat bayaran yang lebih berbanding ahli kumpulan yang lain. Menurut Responden 2, pembahagian bayaran adalah dibahagikan secara sama banyak dengan semua ahli kumpulan. Responden 2 menjelaskan, '*...dia [bayaran] akan bagi sama walaupun pemain alat muzik yang main alat ringan atau yang main serunai yang berat, [bayaran] sama jer...*' (Temubual, 23 Oktober 2021).

Berbeza dengan Responden 4 yang menyatakan bahawa bayaran kepada tok dalang adalah lebih daripada pemain-pemain yang lain kerana peralatan-peralatan yang digunakan untuk membuat persembahan wayang kulit adalah kepunyaan tok dalang. Responden 4 menyatakan, '*...[bayaran] lebih kepada tok dalang sikit kerana peralatan tu [kepunyaan tok dalang]...*' (Temubual, 3 November 2021).

Perkara ini juga disokong oleh Responden 9 yang menyatakan bahawa dalang akan mendapat bayaran yang lebih daripada ahli kumpulan yang lain kerana dalang sebagai ketua kumpulan yang memainkan peranan yang besar di dalam persembahan wayang kulit. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 9:

*Biasanya tok dalang dia dapat lebih sikit, mungkin lebih RM20, RM50 atau RM200 ke RM300 tengok atas upah, sebab tok dalang dia memerlukan kerja yang lebih sikit daripada orang lain, tak boleh tukar-tukar doh [dalang], pemain muzik boleh tukar, boleh ganti, dia [dalang] sebagai ketua pasukan (Temubual, 1 Disember 2021).*

Selain itu, hasil bayaran dari persembahan wayang kulit juga disimpan untuk kegunaan kelab kumpulan wayang kulit bagi menampung sebarang kegiatan kelab. Di samping itu juga, ahli kumpulan turut mengambil kira pembiayaan kenderaan seperti duit minyak. Duit yang digunakan untuk kenderaan akan ditolak di dalam hasil pembayaran persembahan wayang kulit. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 6:

*Kalau kita [ahli kumpulan] pergi guna kenderaan, contohnya kita pergi main jauh guna kenderaan dua buah kereta, kita cabut [ambil] duit minyak kereta dulu lepastu kita akan cabut [ambil] untuk kelab, berapa peratus cabut [ambil] untuk kelab, contohla bayaran tu RM1000 kita ambik RM100 untuk kelab...baki akan dibahagi sama rata, duit yang cabut [ambil] untuk kelab kita guna untuk [baiki] gendang pecah, apa-apa masalah kita boleh guna duit kelab (Temubual, 16 November 2021).*

#### **4.4.3 Tempat Persembahan Wayang Kulit**

Kebiasaannya, persembahan wayang kulit dimainkan di kampung-kampung dan penduduk kampung sebagai penonton tetap yang menonton persembahan wayang kulit. Persembahan wayang kulit juga dimainkan di pelbagai tempat lain seperti tempat-tempat yang telah dikhaskan untuk persembahan wayang kulit. Antara tempat yang telah dikhaskan untuk persembahan wayang kulit adalah di Jabatan Kebudayaan dan

Kesenian Negara, negeri Kelantan (JKKN) dan Gelanggang Seni. Gelanggang Seni sebagai tempat yang memberi penumpuan kepada pelbagai persembahan kesenian termasuklah persembahan wayang kulit bagi menggalakkan pengunjungan daripada pelancong. Pihak jabatan pelancongan telah menyediakan kelengkapan asas seperti pencahayaan lampu dan ruang yang bersifat pelbagai guna untuk memudahkan penggiat seni membuat persembahan (Amirul, 2018).

Aspek fizikal panggung untuk persembahan wayang kulit di Gelanggang Seni telah dibina dengan tujuan untuk memudahkan penonton mengenal seni persembahan wayang kulit dengan lebih dekat. Panggung dibina dengan menggunakan bahan moden, dinding yang tidak bertutup dan tanpa tangga (Amirul et al., 2015). Responden 10 (Temubual, 3 Disember 2021), menjelaskan bahawa persembahan wayang kulit dimainkan di Gelanggang Seni. Responden 9 turut menyatakan, '*...di Kelantan [persembahan wayang kulit] dimainkan tiap-tiap minggu di perkarangan Sultan Stadium Sultan Muhammad, Gelanggang Seni, Jabatan Kebudayaan di Kelantan dan kampung-kampung...*' (Temubual, 1 Disember 2021).

Gelanggang Seni merupakan platform yang disediakan oleh kerajaan negeri Kelantan untuk memastikan persembahan wayang kulit terus dapat dimainkan oleh kumpulan-kumpulan wayang kulit. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 3, kumpulan-kumpulan wayang kulit bergilir-gilir di antara mereka untuk melakukan persembahan di Gelanggang Seni. Persembahan dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan di Gelanggang Seni. Responden 3 menjelaskan, '*...setiap minggu ada persembahan [wayang kulit] di Gelanggang Seni di Kota Bharu...kumpulan-kumpulan wayang kulit yang berbeza la, dia [kumpulan wayang kulit] akan ambik giliranla...*' (Temubual, 24 Oktober 2021).



#### 4.4.4 Penonton Wayang Kulit

Penonton yang menonton persembahan wayang kulit terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada yang tua atau pun yang muda. Kanak-kanak tertarik kepada aksi peperangan manakala remaja lelaki menumpukan perhatian kepada keseluruhan persembahan wayang kulit (Osnes, 2010). Di dalam wayang kulit terdapat tiga jenis penonton yang menonton persembahan wayang kulit, iaitu yang pertama penonton yang mahir mengenai penceritaan wayang kulit, yang kedua penonton yang kurang mahir mengenai penceritaan wayang kulit dan yang ketiga penonton yang tidak mahir mengenai penceritaan wayang kulit.

Penonton yang mahir adalah penonton yang berpengetahuan, mereka mengetahui penceritaan wayang kulit, manakala penonton yang kurang mahir mempunyai citarasa yang tersendiri dan hanya mengetahui sesetengah penceritaan wayang kulit dan penonton yang tidak mahir adalah penonton biasa yang menonton persembahan wayang kulit. Menurut Responden 1 (Temubual, 17 Oktober 2021), penceritaan dan persembahan wayang kulit adalah bergantung kepada permintaan pelanggan dan penganjur. Menurut beliau, terdapat tiga kategori pelanggan. Pertama, pelanggan yang mahir mengenai wayang kulit akan mengubahsuai cerita wayang kulit mengikut cerita yang mereka inginkan dan dalang akan mempersembahkan wayang kulit berdasarkan permintaan pelanggan tersebut. Kedua, pelanggan dari golongan korporat atau perniagaan, golongan ini akan meminta dalang untuk mempromosikan perniagaan mereka di dalam penceritaan wayang kulit. Ketiga, penonton biasa, penceritaan dan persembahan wayang kulit akan diserahkan sepenuhnya kepada dalang untuk memilih penceritaan yang bersesuaian dengan jenis penonton yang ada.



#### 4.5 Peranan Wayang Kulit Kepada Masyarakat Kelantan

Persembahan wayang kulit mempunyai peranan yang tersendiri kepada individu dan masyarakat. Peranan wayang kulit dapat dibahagikan kepada hiburan, nilai-nilai dan agama.

##### a. Hiburan

Wayang kulit sebagai media hiburan yang menjadi tontonan masyarakat yang memerlukan manfaat dari hiburan (Nur Awal, 2018). Masyarakat Melayu berhibur melalui persembahan wayang kulit. Persembahan wayang kulit dimainkan di kampung-kampung untuk memeriahkan majlis dan suasana waktu malam. Penduduk kampung yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur bersama-sama berhibur dengan persembahan wayang kulit. Masyarakat tertarik akan adegan-adegan lucu yang ada di dalam persembahan wayang kulit (Praharani, 2008). Menurut Responden 1 (Temubual, 17 Oktober 2021), wayang kulit adalah sebagai hiburan bagi masyarakat Kelantan.

##### b. Nilai-Nilai

Persembahan wayang kulit bukan sekadar bentuk hiburan kepada masyarakat. Persembahan wayang kulit juga sebagai pendidikan kepada masyarakat. Istilah nilai diertikan sebagai berguna, bermanfaat dan benar mengikut keyakinan seseorang atau kumpulan (Sutarjo, 2012). Menurut Bertens (2007), nilai dikaitkan dengan etika, moral dan budi pekerti. Terdapat nilai-nilai murni di dalam penceritaan wayang kulit yang dapat dijadikan pengajaran kepada masyarakat. Elemen nilai-nilai diselitkan ke dalam penceritaan wayang kulit untuk tontonan

masyarakat supaya dapat dijadikan sebagai panduan dan pedoman di dalam kehidupan. Responden 1 menyatakan wayang kulit sebagai medium pendidikan secara tidak langsung yang mengajar tentang nilai-nilai murni kepada masyarakat. Seperti mana yang dijelaskan oleh Responden 1, '*...konteks konsep wayang kulit di Kelantan ialah satu pendidikan bersemuka secara tidak langsung, satu konsep hiburan pendidikan, ... keseluruhan konsep wayang kulit asli Kelantan dia punya adunan dia punya jalan [cerita] mempunyai nilai kemanusiaan, nilai pendidikan secara tidak langsung...*' (Temubual, 17 Oktober 2021).

Responden 9 menjelaskan di dalam temubual, di dalam penceritaan wayang kulit terdapat pelbagai nilai-nilai murni seperti nasihat dan pantang larang yang diselitkan oleh dalang dalam persembahan wayang kulit. Responden 9 menyatakan, '*...sebenarnya nilai murni ni banyak la, terutama dalam cerita dia [wayang kulit], cerita dia [wayang kulit] banyak yang unsur nasihat, pantang larang, menghormati ibu bapa, pemerintah, agama dan sebagainya...*' (Temubual, 1 Disember 2021).

Responden 2 turut menyatakan perkara yang sama iaitu, '*...Wayang kulit ni merupakan bukan setakat kita kata bukan setakat hiburan la dio [wayang kulit] boleh menyampaikan mesej, menyampaikan nasihat, boleh ceritakan keadaan semasa...*' (Temubual, 23 Oktober 2021).

### c. Agama

Seni budaya Kelantan sebagai medium penyampaian maklumat. Wayang Kulit sebagai alat komunikasi dalam menyebarkan maklumat dan agama. Wayang

Kulit digunakan untuk menyebarkan agama Islam kepada masyarakat. Wayang kulit sebagai media dakwah agama Islam di Jawa, Indonesia (Marsaid, 2016). Bagi masyarakat Jawa, wayang bukan hanya sebagai persembahan biasa tetapi sebagai panduan kehidupan (Nasif & Wilujeng, 2018). Berdasarkan perkembangan sejarah wayang kulit, ulama-ulama terdahulu menggunakan wayang kulit dalam proses penyebaran agama Islam. Wayang kulit sebagai corak dakwah untuk memperkukuh agama Islam. Menurut Nasif & Wilujeng (2018), cara dakwah ini disebarkan dengan meluas oleh Walisanga yang bernama Sunan Kalijaga. Responden 6 menjelaskan di dalam temubual, wayang kulit digunakan oleh para wali dan ahli agama untuk menyebarkan agama Islam kepada ahli masyarakat. Menurut Responden 6, *'...wayang kulit dicipta oleh Wali songo iaitu wali sembilan di Indonesia, Wali songo membuat wayang kulit untuk menyampaikan agama Islam di Indonesia pada masa itu...'* (Temubual, 16 November 2021).

Kenyataan ini disokong oleh Responden 8 yang menyatakan, *'...dulu para-para wali yang main wayang kulit ni, dulunya ahli-ahli ulama, sebenarnya dulu cerita[sejarah] dia, nak menyampaikan mesej...'* (Temubual, 26 November 2021).

Persembahan wayang kulit mula berubah sedikit demi sedikit. Cerita-cerita dewa diubah dan digantikan dengan cerita yang sesuai dengan ajaran agama Islam. Bentuk dan cerita wayang kulit disesuaikan dengan unsur Islam (Praharani, 2008). Sebagai contoh, tok dalang akan mengadakan upacara 'buka panggung' sebelum memulakan persembahan wayang kulit. Apabila selesai persembahan wayang kulit tok dalang juga mengadakan upacara 'tutup panggung'. Setelah tersebarnya agama Islam dalam masyarakat Melayu, bacaan-

bacaan mantera telah digantikan dengan bacaan ayat al-quran (Abdul Ghani 2017). Upacara bukak panggung telah digantikan dengan bacaan doa selamat (Responden 4, Temubual, 3 November 2021).

#### **4.6 Kepentingan Wayang Kulit**

Wayang Kulit mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Terdapat beberapa kepentingan wayang kulit yang dapat dilihat di antaranya ialah kepentingan wayang kulit kepada negeri Kelantan dan kepentingan wayang kulit kepada masyarakat.

##### **a. Kepentingan Wayang Kulit Kepada Negeri Kelantan**

Wayang kulit sebagai warisan budaya yang penting kepada negara Malaysia. Wayang Kulit sebagai salah satu seni persembahan yang terkenal di Kelantan. Persembahan wayang kulit menyumbang kepada sumber ekonomi negara dan negeri Kelantan, di mana wayang kulit di komersialkan kepada pelancong dalam dan luar negara. Aktiviti pelancongan menjadikan unsur budaya seperti persembahan, cara hidup, warisan budaya dan seni bina sebagai tarikan utama (Smith, 1979). Menurut Timothy & Nyaupane (2009), kebanyakan negara yang membangun, sumber budaya dan sejarah menjadi salah satu sumber utama tarikan pelancong antarabangsa dan domestik, khususnya yang berkaitan dengan warisan pelancongan.

Pelbagai aspek wayang kulit dapat dijadikan sebagai produk pelancongan yang dapat menarik pelancong untuk melancong ke Malaysia dan negeri Kelantan. Sektor pelancongan sebagai sektor utama untuk menjana pendapatan negara (Inskeep, 1996). Seni wayang kulit Kelantan sebagai produk

pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong untuk mengunjungi Kelantan. Responden 3 menjelaskan, '*...dia [wayang kulit] penting untuk tujuan komersial la, untuk tujuan pelancongan, tarikan pelancong, orang datang Kelantan, daripada luar negara datang nak tengok keunikan dia [Kelantan] adalah Wayang Kulit...*' (Temubual, 24 Oktober 2021).

Perkara ini disokong oleh Responden 6 yang menyatakan, seni persembahan wayang kulit sebagai sumber ekonomi negeri Kelantan. Responden 6 menjelaskan, '*...juga [wayang kulit] boleh mendatangkan sumber ekonomi, sampingan walau tidak sepenuhnya...*' (Temubual, 16 November 2021).

Di samping itu, kumpulan-kumpulan wayang kulit adalah penggiat seni yang serba boleh. Mereka mempunyai kemahiran yang pelbagai. Mereka tidak hanya membuat persembahan wayang kulit tetapi juga mahir dalam pembuatan alat muzik dan patung wayang kulit. Kumpulan wayang kulit dapat mengambil tempahan untuk membaiki dan membuat alat-alat muzik. Patung wayang kulit dapat dijual kepada pelancong-pelancong sebagai cenderahati.

Kumpulan wayang kulit juga dapat menjana pendapatan sampingan daripada aktiviti-aktiviti berikut untuk menambah pendapatan mereka. Menurut Responden 9, wayang kulit sebagai satu industri perniagaan di mana penggiat seni wayang kulit dapat menjual alat muzik dan patung wayang kulit. Responden 9 menyatakan, '*...wayang kulit juga boleh menjadi satu industri, dari segi aspek perniagaannya, diorang [kumpulan wayang kulit] boleh jual alat-alat muzik, boleh buat sendiri, buat patung, buat cenderamata jual, dari*

*segi aspek persembahan dan sebagainya, ini mendatangkan keuntungan kepada pengiat-penggiat budaya...'* (Temubual, 1 Disember 2021).

#### b. Kepentingan Wayang Kulit kepada Masyarakat Kelantan

Seni persembahan wayang kulit Kelantan adalah salah satu seni yang menjadi kebanggaan masyarakat Kelantan. Masyarakat terdahulu bertungkus-lumus untuk menghidupkan dan menurunkan wayang kulit kepada generasi sekarang. Wayang kulit melambangkan identiti dan budaya masyarakat Melayu. Identiti ialah sifat, ciri, hubungan sosial, peranan, dan keahlian kumpulan sosial yang menentukan siapa seseorang itu. Identiti boleh difokuskan pada masa lalu, masa kini atau masa depan (Leary & Tangney, 1984).

Wayang Kulit mewujudkan rasa kesatuan kepada masyarakat Kelantan. Simbol identiti ini melambangkan ketinggian dan kebanggaan masyarakat Kelantan. Dialek Kelantan yang digunakan di dalam penceritaan dan persembahan wayang kulit menunjukkan keunikan wayang kulit Kelantan. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 3, wayang kulit adalah penting kerana ia sebagai budaya dan identiti masyarakat Kelantan. Responden 3 menjelaskan, *'...dia [wayang kulit] berkait dengan budaya, budaya dan juga identiti kita sebagai masyarakat, budaya dan identiti penting untuk sesebuah masyarakat, untuk menstabilkan sesebuah masyarakat, untuk memberi rasa keberadaan, kesamaan, kesatuan di dalam masyarakat...'* (Temubual, 24 Oktober 2021).

Wayang kulit dapat membangkitkan semangat kekitaan dan jati diri di dalam kalangan masyarakat Melayu. Seperti yang dinyatakan di dalam 'Konvensyen Untuk Perlindungan 145 daripada Warisan Budaya Tak Ketara',



warisan budaya tak ketara menggalakkan rasa indentiti dan kesinambungan dalam komuniti setempat (UNESCO, 2003). Responden 3 turut menambah, identiti adalah penting kepada sesebuah masyarakat. Identiti sebagai memori yang mengimbau sejarah sesebuah masyarakat. Wayang kulit dapat menyatupadukan masyarakat Kelantan yang saling berkongsi rasa kebersamaan dan keberadaan di antara mereka.

*Identiti penting untuk menyatupadukan kaum, dia [identiti] boleh menyatupadukan masyarakat, dia [wayang kulit] boleh digunakan sebagai identiti masyarakat supaya masyarakat tu ada rasa kebersamaan dan keberadaan di tempat tu, contohnya bila dia dengar wayang kulit tu dia akan mengimbau balik kenangan (Temubual, 24 Oktober 2021).*

Di samping itu, kesempurnaan persembahan wayang kulit bergantung kepada ahli-ahli kumpulan wayang kulit. Ahli kumpulan wayang kulit harus memainkan peranan masing-masing. Untuk mengadakan satu persembahan wayang kulit ianya memerlukan kesabaran yang tinggi di antara ahli-ahli kumpulan. Ahli kumpulan perlu saling memahami dan bekerjasama di antara mereka supaya persembahan wayang kulit dapat dimainkan dengan sempurna. Persembahan wayang kulit menguatkan ikatan persaudaraan di antara dalang dan ahli-ahli muzik wayang kulit. Sebagai contoh, Responden 9 menjelaskan di dalam temubual, terdapat nilai-nilai murni yang dapat dilihat di dalam latihan dan persembahan wayang kulit, di mana ahli kumpulan wayang kulit mempunyai semangat kerjasama dan persaudaraan yang kuat di antara mereka. Menurut Responden 9:



*Dalam aspek persembahan pun ada banyak nilai-nilai murninya, di mana pemain-pemain boleh bersatu hati, bekerjasama dalam konteks persembahan. Untuk melahirkan sebuah ataupun satu-satu persembahan wayang kulit memerlukan satu kesabaran...sebab muzik ni memerlukan satu latihan yang lebih masa, memerlukan masa yang panjang, hingga 5-6 bulan untuk jadi seorang pemuzik, jadi nilai-nilai murni di situ ialah menyebabkan semangat ukhwah, kerjasama, saling memahami dalam konteks latihan dan seni persembahan (Temubual, 1 Disember 2021).*

#### **4.7 Perubahan di dalam Wayang Kulit**

Pada peringkat awal, wayang kulit berkait rapat dengan perlakuan dan tatacara keagamaan yang bersifat spiritual (Said Nong, 1988). Masyarakat Melayu mempercayai kewujudan semangat dan upacara pemujaan. Persembahan wayang kulit sebagai upacara spiritual yang boleh menghubungkan dunia nyata dan alam ghaib (Wan Ariffin & Abdullah, 2015). Sebelum memulakan persembahan wayang kulit, upacara membuka panggung akan dilakukan. Upacara ini memerlukan beras pulut, pulut kunyit, telur ayam, tapak sireh pinang, kemenyan, bertih, benang, tepung dadar tawar dan buah keras (Nasuruddin, 2009).

Pengaruh fahaman animisme, Hindu, Jawa dan Islam dapat dilihat di dalam persembahan wayang kulit. Bacaan jampi dan mantera yang digunakan tok dalang di dalam persembahan wayang kulit adalah bertentangan dengan Islam (Mustafa & Abdullah, 2018). Terdapat tiga perubahan dalam wayang kulit yang telah dihuraikan iaitu perubahan selepas wayang kulit diharamkan dan perubahan di dalam wayang kulit dahulu dan sekarang.

#### a. Perubahan Selepas Wayang Kulit Diharamkan

Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah mewujudkan pelbagai dasar dan enakmen di dalam bidang kesenian dan pelancongan setelah mengambil alih pemerintahan Kelantan. Kerajaan negeri telah melaksanakan dasar kesenian di Kelantan pada tahun 1990 hingga 2015. Antara dasar kesenian yang telah dikuatkuasakan ialah Kuat kuasa Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Syarat-syarat Permohonan Lesen Hiburan dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) (Che Ibrahim & Ibrahim, 2018). Terdapat pelbagai perubahan yang dilakukan kepada seni persembahan. Amalan-amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam telah dikeluarkan dari seni persembahan. Perubahan utama yang dapat dilihat di dalam persembahan wayang kulit ialah unsur syirik dan unsur pemujaan tidak lagi diamalkan oleh dalang.

Larangan persembahan wayang kulit ditarik balik oleh kerajaan negeri Kelantan selepas berpuas hati dengan versi baharu wayang kulit yang telah menzahirkan beberapa nilai Islam (Aziz & Shamsul, 2004). Seperti mana yang dijelaskan oleh Responden 2, terdapat beberapa perubahan di dalam persembahan wayang kulit. Perubahan yang dilakukan adalah bagi menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan Kelantan dalam seni persembahan. Penceritaan wayang kulit ditapis dan perkara-perkara yang melanggar syariat Islam tidak dibenarkan. Responden 2 menjelaskan:

*Kerajaan Kelantan dulu, mengharamkan permainan wayang kulit, makyong, main puteri, menorah, kerajaan Kelantan haramkan tak boleh main di Kelantan....setelah dia [wakil pihak kerajaan] buat perjumpaan dengan beberapa tok dalang dan juga tokoh-tokoh budaya di Kelantan*

*ni, berbincang, wayang kulit pun boleh buat persembahan di Kelantan, tapi bersyarat, kerajaan Kelantan dia buat garis panduan buang unsur syirik, unsur kurafat, unsur dewa-dewa dalam persembahan wayang kulit (Temubual, 10 Oktober 2021).*

Responden 9 turut menyatakan perkara yang sama iaitu:

*Selepas berlaku perubahan terutama dalam pucuk pimpinan PAS di Kelantan ni, dia [PAS] telah mengadakan satu enakmen seni persembahan di Kelantan terutamanya wayang kulit, tak ada unsur-unsur pemujaan, tidak melampaui masa lebih pada pukul 1 pagi, tiada pergaulan bebas antara lelaki perempuan di kalangan penonton...cerita-cerita pun akan di 'strict' kan dulu, ditapis, jadi dulu dan sekarang amat berbeza lah, dari segi susunan cerita dan aspek budaya dia [wayang kulit] (Temubual, 1 Disember 2021).*

Pengharaman seni persembahan wayang kulit telah meninggalkan pelbagai kesan kepada kumpulan-kumpulan wayang kulit. Ramai penggiat-penggiat seni mula mencari pekerjaan yang baru dan meninggalkan seni mereka apabila kerajaan negeri Kelantan tidak membenarkan seni persembahan di Kelantan. Kumpulan wayang kulit juga mula berpecah dan berhijrah ke luar negeri untuk mencari pekerjaan baru bagi menampung keluarga. Kumpulan wayang kulit menjual patung-patung wayang kulit dan alat-alat muzik mereka. Setelah kerajaan negeri Kelantan membenarkan semula seni persembahan di Kelantan, ramai kumpulan wayang kulit tidak dapat kembali bergiat kerana kumpulan mereka telah berpecah dan patung wayang kulit mereka telah rosak akibat lama tersimpan. Responden 2 menyatakan:

*Dalam tahun 1990, negeri Kelantan diharamkan [wayang kulit], bila [wayang kulit] diharamkan, tok dalang wayang dia jual alat muzik dia, kalau dia tak jual pun dia simpan jadi rosak, sebab bertahun-tahun, wayang kulit dan alat muzik rosak, selepas tu dia [dalang] berhijrah ke kuala lumpur, dalam tahun 2000 (YIK) longgarkan, main di tempat-tempat tertentu, tempat yang tertutup, makna tak boleh [main] tempat terbuka macam padang tak boleh, sebab tak boleh bergaul lelaki dan perempuan (Temubual, 10 Oktober 2021).*

#### b. Perubahan di dalam Wayang Kulit Dahulu Dan Sekarang

Persembahan wayang kulit juga berkembang dan berubah mengikut peredaran zaman. Teknologi yang semakin canggih memudahkan pekerjaan masyarakat. Perubahan yang pesat dapat dilihat dengan kewujudan pendidikan dan tenaga elektrik (Lim, 2017). Terdapat beberapa perbezaan yang dapat dibandingkan di dalam wayang kulit dahulu dan sekarang, iaitu dari segi kemudahan pengangkutan, sistem bunyi dan sumber cahaya.

Pengangkutan seperti kereta memudahkan pergerakan kumpulan wayang kulit untuk membuat persembahan di pelbagai tempat, di samping memudahkan pengangkutan barang-barang keperluan untuk persembahan wayang kulit seperti alat muzik, patung wayang kulit, kelir dan sebagainya. Sistem bunyi bagi persembahan wayang kulit yang menggunakan PA (*Public Address*) sistem melantangkan suara dalang dan bunyi muzik dengan jelas. Pencahayaan yang digunakan di atas pentas juga tidak lagi bergantung kepada pelita. Lampu pelita diletakkan di belakang kelir pada ketinggian paras mata dalang (Ghani, 2010). Lampu pelita telah digantikan kepada cahaya lampu (Amirul, 2018). Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 2, ‘...*dia [wayang kulit] kalau beza*

*sekarang ada banyak kemudahan, sebab sekarang, satu ada pengangkutan, yang kedua pulak guna elektrik, dia cerah dan lagi dia guna PA sistem, maknanya dia tidak guna banyak suara tak kuat la...'* (Temubual, 10 Oktober 2021).

Aspek penceritaan persembahan wayang kulit juga turut berubah di mana penceritaan dipendekkan dan mengikut keadaan semasa. Terdapat penambahan cerita dan watak moden untuk menarik minat generasi baru. *Fusion* Wayang kulit yang menggabungkan bentuk tradisional wayang kulit dengan watak moden (Hsiao, 2019). Hiburan moden mempengaruhi pemodenan watak wayang kulit (Lim, 2017).

Dalng juga melakukan pelbagai perubahan ke dalam persembahan wayang kulit mereka untuk memastikan penonton tidak bosan ketika menonton persembahan mereka. Penambahan watak baru dan moden dapat menarik perhatian masyarakat sekarang yang lebih berminat dengan perkara-perkara yang terkini (Responden 2, Temubual, 10 Oktober 2021). Menurut Responden 3, wayang kulit telah diinovasikan dari segi cerita dan watak wayang kulit. Penceritaan wayang kulit tidak lagi memainkan cerita-cerita yang mengambil masa yang lama untuk dihabiskan dan juga ritual-ritual yang bertentangan dengan agama Islam. Responden 3 menjelaskan:

*Perubahan lain tu ada jugak, inovasi, contohnya sekarang ni wayang kulit pun dah diinovasikan, masukkan cerita-cerita moden even watak-watak moden pun ada dah, watak star wars, dan untuk menarik perhatian generasi muda, ceritakan [wayang kulit] menggunakan teknologi...tak banyak diceritakan cerita-cerita lama, dah tak ada dah*

*macam dulu, dulu sampai persembahan berhari-hari berjam-jam, sekarang ni dipendekkan, dan cerita banyak gunakan cerita ranting, dan satu lagi adalah mungkin ritual-ritual tertentu tidak dibuat dah* (Temubual, 24 Oktober 2021).

#### **4.8 Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Wayang Kulit**

Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada individu, masyarakat dan negara. Seni tradisional wayang kulit juga turut terjejas disebabkan pandemik Covid-19. Terdapat dua kesan pandemik Covid-19 kepada wayang kulit iaitu kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit dan kesan pandemik Covid-19 kepada persembahan wayang kulit.

##### **a. Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Pengamal Wayang Kulit**

Keadaan ekonomi negara dan masyarakat ketika pandemik adalah merosot. Masyarakat kehilangan kerja dan hilang punca pendapatan untuk bergantung. Segala bentuk persembahan dibatalkan dan masyarakat digalakkan bekerja dari rumah. Majlis keramaian yang melibatkan orang ramai tidak dibenarkan untuk mengelakkan jangkitan Covid-19. Pelbagai jenis produksi seni dan hiburan telah dibatalkan dan ditangguhkan. Penggiat seni tidak lagi dapat mengadakan persembahan dan tanpa persembahan mereka kehilangan punca pendapatan mereka (Umam et al., 2021).

Penggiat-penggiat wayang kulit amat terkesan dengan keadaan ini, di mana mereka tidak dapat bergiat dan membuat persembahan. Responden 7 (Temubual, 26 November 2021), menyatakan akibat pandemik persembahan



wayang kulit ditangguhkan dan dibatalkan menyebabkan kumpulan wayang kulit hilang punca pendapatan dari kegiatan wayang kulit. Responden 6 turut menyatakan pandemik Covid-19 menyebabkan pengamal wayang kulit tiada pendapatan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 6, '*...permintaan untuk [mengadakan] persembahan wayang kulit ada tetapi tertangguh, tidak dapat buat persembahan [kerana pandemik]...*' (Temubual, 16 November 2021).

Bagi pengamal wayang kulit yang bergantung kepada kegiatan wayang kulit untuk kehidupan seharian mereka, keadaan pandemik amat memberikan tekanan kepada mereka. Mereka tidak mempunyai pendapatan dan hasil yang lain selain daripada kegiatan wayang kulit. Responden 5 (Temubual, 16 Oktober 2021), menyatakan kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit yang tidak mempunyai pekerjaan lain adalah ketara berbanding pengamal yang mempunyai pekerjaan utama selain wayang kulit.

Di samping itu, pengamal wayang kulit mengambil inisiatif mereka sendiri untuk mencari pendapatan sampingan dan juga wang tambah bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga. Mereka mengambil upah untuk membaiki alat muzik dan juga membuat patung wayang kulit (seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 4.1). Menurut Responden 4 (Temubual, 3 November 2021), beliau dan anak buahnya mengambil upah membuat dan membaiki alat muzik seperti gedombak dan geduk semasa pandemik.





Rajah 4.1: Responden sedang membuat patung wayang kulit

(Gambar oleh Nik Nur Ainaa, 2021)

Selain itu, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tempat-tempat untuk membuat persembahan wayang kulit juga ditutup. Penggiat-penggiat wayang kulit tidak lagi dapat membuat persembahan di tempat yang telah dikhususkan untuk persembahan wayang kulit. Menurut Responden 3, ketika pihak kerajaan menguatkuasakan penutupan dan penyekatan di Malaysia, kesemua jenis seni persembahan adalah tidak dibenarkan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 3:

*Setahu saya setakat ni semua bentuk persembahan dihentikan dan disekat, di JKKN saya tak pasti, mungkin ditutup, tapi setahu saya memang masa 'lockdown' memang tak ada la, memang tak boleh*

*'perform' bukan kata wayang kulit, semua jenis persembahan memang tak ada (Temubual, 24 Oktober 2021).*

#### b. Kesan Pandemik Kepada Persembahan Wayang Kulit

Pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada semua jenis persembahan. Kumpulan wayang kulit menggunakan inisiatif baru untuk meneruskan persembahan wayang kulit, di mana persembahan wayang kulit dilakukan secara atas talian. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dalang tidak melibatkan pemain muzik di dalam persembahan wayang kulit yang diadakan secara atas talian. Persembahan dilakukan tanpa melibatkan pemain-pemain muzik (Responden 6, Temubual, 16 November 2021). Responden 1 (Temubual, 17 Oktober 2021), menyatakan persembahan wayang kulit yang dilaksanakan ketika pandemik adalah tidak melibatkan pemain muzik.

Perubahan yang paling ketara akibat daripada pandemik adalah di mana Prosedur Operasi Standard (SOP) turut dilaksanakan di dalam persembahan wayang kulit. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menetapkan Garis Panduan Dan Operasi Standard bagi sektor industri kreatif yang merangkumi semua jenis acara, pertunjukan, persembahan langsung dengan kehadiran penonton (KKM, 2021). Antara protokol yang dijelaskan adalah:

- i. Kehadiran penonton hanya dibenarkan mengikut kapasiti ruang premis dan susunan kedudukan mengikut penjarakan fizikal individu 1 meter dan susunan kerusi 1.5 meter di antara satu sama lain.

- ii. Pemakaian pelitup atau pelindung muka adalah diwajibkan sepanjang acara berlangsung
- iii. Penggunaan hand sanitizer diwajibkan kepada artis, kru, pekerja, pembekal perkhidmatan dan penonton sebelum memasuki premis
- iv. Artis, kru, pekerja, pembekal perkhidmatan dan penonton yang suhu badan melebihi 37.5° celsius tidak dibenarkan memasuki premis

Sebagai contoh, Responden 6 menjelaskan untuk melaksanakan persembahan wayang ahli-ahli kumpulan wayang kulit harus mengikuti SOP yang telah ditetapkan. Antara SOP yang dilaksanakan ketika persembahan wayang kulit ialah pemakaian topeng muka, penjarakan satu meter dan pemakaian sanitizer. Responden 6 menyatakan, '*...scan suhu, tanya ada mask tak, tak ada dia bagi mask, pakai mask, duduk atas pentas pun penjarakan, pakai 'face shield'...*' (Temubual, 16 November 2021).

Kenyataan ini turut disokong oleh responden 7. Responden 7 menjelaskan, '*...kena ikut SOP, pakai mask, jarak dia...*' (Temubual, 26 November 2021)

#### **4.9 Pelestarian Wayang Kulit oleh Pihak Berkepentingan**

Langkah pelestarian harus dilakukan kepada seni persembahan wayang kulit demi menjaga kesinambungan wayang kulit kepada generasi muda. Oleh itu, pihak berkepentingan harus mengambil alternatif-alternatif untuk melestarikan seni warisan wayang kulit. Di antara langkah pelestarian wayang kulit Kelantan adalah menyediakan tempat persembahan wayang kulit, memberikan bantuan kewangan kepada pengamal

wayang kulit, peranan Muzium Kelantan dan peranan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

a. Menyediakan Tempat Persembahan Wayang Kulit

Kerajaan sebagai pihak bertanggungjawab haruslah memainkan peranan dalam memperkasakan wayang kulit. Kerajaan harus peka dengan masalah dan kekurangan yang dihadapi oleh penggiat-penggiat seni di Malaysia. Untuk mengelakkan persembahan wayang kulit daripada berkurangan, pihak kerajaan harus menubuhkan satu pusat khusus untuk wayang kulit. Pusat ini dapat dijadikan sebagai pusat persembahan dan juga pusat pembelajaran seni wayang kulit, di mana dalang-dalang dan kumpulan wayang kulit dapat menurunkan ilmu mereka kepada pelajar-pelajar yang berminat. Pusat pembelajaran ini juga dapat menjadi tempat rujukan mengenai hal-hal seni persembahan wayang kulit (Responden 5, Temubual, 16 Oktober 2021).

Responden 2 ada menjelaskan di dalam temubual bahawa pihak kerajaan harus menubuhkan satu pusat kebudayaan untuk seni-seni persembahan yang ada di Kelantan bagi memastikan seni persembahan dapat terus dimainkan. Responden 2 menjelaskan, '*...patut dia [kerajaan] macam kita kata nak bagi benda tidak pupus, wayang kulit, dikir barat, makyong, kerajaan kena buat satu tempat khas untuk kebudayaan...*' (Temubual, 10 Oktober 2021).

Perkara ini juga disokong oleh Responden 5, di mana beliau meluahkan keinginan beliau supaya pihak kerajaan dapat membangunkan satu pusat yang khusus untuk seni persembahan wayang kulit. Menurut Responden 5, '*...hasrat*

*saya tadi la, 'one stop center' wayang kulit, macam [diadakan] persembahan berkala tahunan...' (Temubual, 16 Oktober 2021).*

Pusat wayang kulit ini dapat menjadi platform kepada penggiat seni wayang kulit untuk meneruskan kegiatan wayang kulit. Kumpulan-kumpulan wayang kulit dapat berkarya dan generasi muda juga dapat mempelajari wayang kulit. Perkara ini dapat mengelakkan wayang kulit daripada terkubur dan dilupai oleh masyarakat. Pelbagai kelebihan yang dapat diperolehi daripada penubuhan pusat wayang kulit ini, seperti lahirnya perintis-perintis wayang kulit yang akan meneruskan warisan seni persembahan tradisional. Menurut Responden 6, pusat akademi yang disediakan kepada mereka yang berminat untuk mempelajari seni persembahan dapat melahirkan generasi yang mahir dari pelbagai aspek persembahan. Hal ini juga dapat memastikan seni persembahan terus dimainkan. Responden 6 menjelaskan, *'...buat satu akademi di Kelantan, akademi untuk mengajar persembahan-persembahan kebudayaan, macam akademi untuk mengajar wayang kulit, mengajar silat, makyong, dikir barat, cari guru-guru yang bertauliah untuk mengajar anak-anak muda yang berminat yang ada di Kelantan...' (Temubual, 16 November 2021).*

Responden 9 turut menyatakan perkara yang sama di mana:

*Sediakan satu tempat, pusat latihan dan sebagainya untuk diorang [kumpulan wayang kulit] bergerak, berkarya di kampung masing-masing, setiap daerah satu, supaya benda nampak hidup... kemahiran-kemahiran juga perlu ada pada peringkat generasi-generasi baru, bagi satu kemahiran membuat alat muzik, buat wayang kulit kepada generasi baru (Temubual, 1 Disember 2021).*

#### b. Memberikan Bantuan Kewangan Kepada Pengamal Wayang Kulit

Penggiat-penggiat seni amat memerlukan bantuan kewangan dari pihak kerajaan. Bantuan kewangan diperlukan untuk menampung kegiatan seni mereka. Peruntukan dan bajet dari kerajaan untuk penggiat seni harus dilaksanakan. Kerajaan haruslah melibatkan diri dengan memberi bantuan kepada penyelenggaraan, pembiayaan dan promosi (Harrison, 2010). Kumpulan wayang kulit memerlukan peruntukan untuk kegiatan wayang kulit seperti membeli alat muzik dan membaiki alat muzik. Peruntukan yang diberikan dapat memberi semangat kepada kumpulan wayang kulit untuk meneruskan kegiatan seni wayang kulit. Sebagai contoh, Responden 4 menjelaskan di dalam temubual, dana yang diberikan oleh kerajaan adalah untuk kegunaan kegiatan wayang kulit. Menurut Responden 4, ‘...kita [kumpulan wayang kulit] nak cari peruntukan, sebenarnya kita nak buat ganti alat [alat muzik] ni la... (Temubual, 3 November 2021).

Penubuhan Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA) yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia merupakan satu usaha dari pihak kerajaan untuk memelihara penggiat-penggiat seni. Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan berfungsi untuk membina ekonomi budaya Malaysia. CENDANA sebagai badan kerajaan yang menyalurkan bantuan kepada penggiat seni, bersesuaian dengan misi CENDANA iaitu untuk membangunkan sektor seni dan budaya dalam industri kreatif. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 3, CENDANA adalah satu badan kerajaan yang ditubuhkan untuk membantu penggiat-penggiat seni dari segi dana dan kewangan. CENDANA membantu pelestarian seni persembahan dengan memberi bantuan kewangan kepada penggiat seni. Responden 3 menjelaskan:



*Untuk pandemik ni, kerajaan ada melalui satu badan nama CENDANA, CENDANA satu badan yang kerajaan keluarkan dana, untuk membantu pengiat-penggiat seni, termasuk wayang kulit dan sebagainya, CENDANA satu badan yang mengelola dana untuk bantuan kepada penggiat seni, terutamanya seni tradisional, tujuan [CENDANA] untuk melestarikan sesuatu kesenian (Temubual, 24 Oktober 2021)*

### c. Peranan Muzium Kelantan

Muzium memainkan peranan yang penting di dalam memelihara warisan. Muzium sebagai institusi yang membantu kewujudan kemodenan dan tradisi. Muzium berfungsi sebagai tempat penyimpanan sementara dan selamanya bagi objek warisan (Harrison, 2013). Muzium Kelantan sebagai pusat rujukan utama kepada masyarakat Kelantan mengenai sejarah, kebudayaan, adat resam dan alam semulajadi negeri Kelantan. Menurut Harrison (2013), muzium menyediakan peluang dan tempat tinggal kepada objek, tradisi, dan amalan dan tanpa pemeliharaan, pemuliharaan dan pameran dari muzium mereka akan mati. Muzium Kelantan bertanggungjawab dalam mengadakan pameran-pameran yang berkaitan wayang kulit untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tidak mengira umur dan usia.

Setiap tahun, muzium Kelantan mengadakan pameran besar-besaran yang turut melibatkan persembahan wayang kulit bagi mengangkat seni warisan Kelantan kepada orang ramai. Responden 6 menjelaskan selain daripada mengadakan pameran, pihak muzium Kelantan juga mengadakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan wayang kulit. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 6, ‘...untuk memperkasakan warisan ni kita [muzium Kelantan]



*kena selalu buat pameran la...kita [muzium Kelantan] akan adakan pameran dan juga pertandingan keris, untuk mempertunjukkan kepada orang ramai...'* (Temubual, 16 November 2021).

Muzium Kelantan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengadakan program yang dapat memberi pendedahan mengenai wayang kulit kepada masyarakat. Responden 6 menjelaskan di dalam temubual, *'...kita [muzium Kelantan] pernah bekerjasama dengan pihak KB mall dan kerjasama dengan JKKN... sekarang bekerjasama dengan Muzium Negara. kita [Muzium Kelantan] akan buat demonstrasi pembuatan Wayang Kulit di Muzium Negara...'* (Temubual, 16 November 2021).

Selain dari mengadakan pameran, pihak muzium juga mengadakan pelbagai aktiviti yang melibatkan penyertaan daripada orang ramai. Pihak muzium turut mengadakan demonstrasi wayang kulit, pertandingan mewarna dan pertandingan melukis untuk memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai wayang kulit (Responden 6, Temubual, 16 November 2021).

#### d. Peranan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan bahagian kebudayaan yang berperanan dalam merangka dasar pembangunan kebudayaan, merancang, menyelaras dan mengurus program-program kebudayaan. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian sebagai badan pengurusan seni budaya yang mendukung seni budaya untuk penajaan dan pendapatan kepada penggiat seni (JKKN, 2021). Selaras dengan visi dan misi JKKN, JKKN telah mengadakan pelbagai pelan strategik untuk memastikan kesinambungan seni persembahan.

Pelbagai usaha telah diusahakan oleh JKKN dalam memperkasakan wayang kulit. Pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian telah menyediakan tempat persembahan untuk kumpulan wayang kulit dan seni persembahan lain di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan. Menurut Responden 5, Kumpulan wayang kulit bergilir-gilir mengadakan persembahan mengikut giliran yang telah ditetapkan oleh JKKN. Jemputan untuk mengadakan persembahan adalah tidak hanya tertumpu di dalam JKKN sahaja. Responden 5 menyatakan, *'...ada juga [JKKN] menjemput kumpulan-kumpulan wayang kulit ni secara berkala, untuk mengadakan persembahan, sama ada diluar ataupun di JKKN sendiri...'* (Temubual, 16 Oktober 2021).

Pelbagai program perantisan telah dilaksanakan dan dianjurkan oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan untuk melatih generasi muda bergiat di dalam wayang kulit dan seni persembahan lain. Program-program perantisan yang dianjurkan dapat melahirkan penggiat-penggiat seni generasi baru yang berkemahiran tinggi di dalam wayang kulit dan seni persembahan. Generasi muda ini dapat menyambung legasi generasi-generasi lama yang telah bertungkus-lumus menghidupkan seni persembahan tradisional Kelantan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 5, *'...sebagai badan pengurusan seni budaya, pertama sekali [mengadakan] program perantisan wayang kulit, perantisan wayang kulit ni untuk mendidik anak anak baru, dalam bidang seni wayang kulit...'* (Temubual, 16 Oktober 2021).

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, negeri Kelantan (JKKN) juga memberi pengiktirafan kepada kumpulan wayang kulit bagi menghargai jasa mereka. Pengiktirafan tokoh diberikan kepada kumpulan wayang kulit

untuk menyemarakkan semangat kumpulan untuk terus mempersembahkan wayang kulit (Responden 5, Temubual, 16 Oktober 2021). Seperti yang dinyatakan oleh Responden 5, JKKN juga menggalakkan kumpulan wayang kulit untuk mendaftarkan kumpulan mereka secara sah. Hal ini kerana untuk memastikan setiap kumpulan wayang kulit mendapat bantuan sama ada bantuan kewangan atau bantuan makanan dari pihak pengurusan. Di samping itu, kumpulan wayang kulit yang berdaftar juga dapat diurus dengan pengurusan yang teratur dan menyeluruh. Menurut Responden 5, *'...pemain wayang kulit kita galakkan menubuhkan persatuan masing-masing, secara berdaftar, supaya banyak bantuan-bantuan daripada kerajaan, swasta dan sebagainya, secara [berdaftar] pengurusan teratur, tepat dan juga menyeluruh...'* (Temubual, 16 Oktober 2021).

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan (JKKN) juga menyediakan khidmat nasihat dan bantuan untuk kumpulan-kumpulan wayang kulit. Pihak JKKN membantu kumpulan wayang kulit yang layak dan ingin memohon bantuan daripada pihak-pihak bertanggungjawab. Selain itu, pihak JKKN turut memberi sumbangan dan bantuan kepada kumpulan-kumpulan wayang kulit yang memerlukan. Sumbangan dan bantuan yang diberikan adalah supaya kumpulan-kumpulan wayang kulit dapat terus membuat persembahan. Responden 5 menjelaskan di dalam temubual, sebarang maklumat berkenaan bantuan akan disebarkan kepada kumpulan-kumpulan wayang kulit untuk memastikan mereka dapat memohon bantuan tersebut. Responden 5 menerangkan:

*Kita [JKKN] bagi galakan info kepada penggiat seni wayang kulit supaya memohon bantuan-bantuan, itulah khidmat nasihat kita bagi, supaya dia [kumpulan wayang kulit] dapat mohon bantuan, sebab sekarang bantuan secara 'online', jadi dia [kumpulan wayang kulit] tidak tahu, jadi kita JKKN ada maklumat kita terus war-war [sebar] kan, dan jugak beri garis panduan kepada mereka, cara untuk minta bantuan daripada CENDANA (Temubual, 16 Oktober 2021).*

Program yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan (JKKN) menyumbang kepada perkembangan dan pengukuhan seni budaya Kelantan. Program kesenian turut diadakan setiap tahun oleh pihak JKKN di mana, pihak JKKN menyediakan ruang untuk kumpulan-kumpulan wayang kulit membuat persembahan. JKKN amat menyokong mana-mana pihak yang mengadakan program-program yang berbentuk kesenian. Program-program kesenian dapat memperkasakan dan memajukan seni budaya Kelantan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 5:

*JKKN dari masa ke semasa setiap tahun mengatur beberapa program perkembangan seni budaya, program pengukuhan seni budaya, meliputi semua seni budaya di Kelantan, daripada program- program begini dapat memperkuat, memperkukuhkan, mengembangkan seni budaya tersebut, memang setiap tahun JKKN, tidak menyekat ataupun menggugurkan mana-mana program-program yang bersifat kemajuan dalam seni budaya (Temubual, 16 Oktober 2021).*

#### 4.10 Pelestarian Wayang Kulit Oleh Pengamal Wayang Kulit

Terdapat dua langkah untuk memastikan pelestarian wayang kulit dapat dijalankan. Langkah pertama ialah pemindahan pengetahuan antara generasi dan langkah kedua ialah pendigitalan wayang kulit.

##### a. Pemindahan Pengetahuan Antara Generasi

Wayang kulit merupakan seni persembahan turun temurun. Penurunan ilmu pengetahuan wayang kulit sebagai langkah penerusan generasi seni wayang kulit. Pemindahan pengetahuan, kemahiran dan amalan berkaitan warisan boleh diaplikasikan dengan penglibatan yang kuat daripada komuniti. Seperti yang dinyatakan di dalam Konvensyen UNESCO (2003), penglibatan masyarakat sebagai langkah untuk mendekati dan mengekalkan warisan (Radzuan, 2020). Kumpulan wayang kulit menurunkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka kepada keturunan mereka. Kumpulan wayang kulit menurunkan ilmu dan kemahiran wayang kulit supaya keturunan mereka dapat meneruskan wayang kulit di masa hadapan. Responden 2 (Temubual, 10 Oktober 2021), menyatakan beliau berusaha untuk mendidik cucu beliau untuk mewarisi ilmu kemahiran wayang kulit. Beliau turut menyatakan bahawa cucu beliau juga menunjukkan minat untuk mempelajari seni wayang kulit.

Pusat pengajian seni persembahan tradisional iaitu ASWARA telah dibangunkan oleh pihak kerajaan. Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) merupakan institusi pengajian tinggi dalam bidang seni persembahan. Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menyediakan ruang pembelajaran dalam bidang seni budaya dan

warisan yang bertujuan untuk menghasilkan seniman yang mahir di samping memantapkan kesinambungan warisan seni negara (ASWARA, 2021). Responden 2 menjelaskan bahawa ASWARA adalah tempat bagi mereka yang berminat untuk mempelajari seni-seni persembahan. Menurut Responden 2, *'...tempat belajar dia panggil ASWARA di Kuala Lumpur, khas untuk orang nak belajar, nak belajar sebagai tok dalang, main muzik, wayang kulit, patung wayang kulit, semua bengkel dia ada* (Temubual, 10 Oktober 2021).

Kewujudan ASWARA dapat melahirkan generasi baru untuk menyambung seni persembahan di Malaysia. Ibu bapa dapat menghantar anak-anak mereka untuk menyambung pengajian di dalam bidang seni di ASWARA. Hal ini dapat melahirkan lebih ramai graduan-graduan yang berkemahiran tinggi di dalam seni persembahan. Responden 8 (Temubual, 26 November 2021), menjelaskan, beliau menghantar dua orang anaknya untuk menyambung pengajian mereka di ASWARA. Beliau berharap anak-anaknya dapat menyambung legasi wayang kulit yang telah diusahakan oleh keluarga mereka.

#### b. Pendigitalan Wayang Kulit

Teknologi dunia yang semakin canggih haruslah dimanfaatkan oleh penggiat-penggiat seni dan pihak bertanggungjawab. Rakyat Malaysia telah mendapat pendidikan dengan yang lebih baik dari segi sains dan teknologi (Ibrahim, 2007). Pelbagai kemudahan yang ada membuka peluang baru kepada pengamal wayang kulit untuk menjadikan teknologi sebagai alat untuk mempromosikan dan menyebarkan wayang kulit kepada seluruh dunia. Bersesuaian dengan norma baru, penggiat seni boleh menggunakan media sosial untuk



mempromosikan dan memasarkan karya mereka kepada orang ramai (Magi et al., 2020).

Seperti mana yang dijelaskan oleh Responden 9, kumpulan-kumpulan wayang kulit boleh mengadakan persembahan secara atas talian, di mana dalang dengan patung wayang kulit dan pemain gong di rumah masing-masing membuat persembahan wayang kulit bersama-sama. Walaupun mereka berada di tempat yang berasingan tetapi persembahan wayang kulit masih dapat dimainkan. Persembahan wayang kulit secara atas talian dapat dimainkan tanpa terikat dengan tempat. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden 9:

*Terbatas dengan norma baru, 'group-group' wayang kulit ni dalam bentuk 'online', persembahan 'online' [atas talian], sorang duduk rumah main wayang kulit, yang [pemain] gong dengan gongnya di rumah masing-masing, disaksikan dalam maya, kemudian ada juga diorang [kumpulan wayang kulit] buat persembahan wayang kulit mereka dalam youtube, secara live, facebook live (Temubual, 1 Disember 2021).*

Kemajuan teknologi menyumbang kepada penyebaran wayang kulit. Kumpulan wayang kulit dapat mencuba pelbagai alternatif untuk menarik minat generasi muda kepada wayang kulit. Kemudahan teknologi juga dapat menyumbang kepada pekekalan wayang kulit, di mana pelbagai rujukan dapat dijumpai di internet.

Selain itu, kemajuan teknologi dapat menyumbang kepada bentuk baru wayang kulit. Kumpulan wayang kulit dapat menghasilkan wayang kulit yang berbentuk animasi untuk tontonan orang ramai. Watak-watak wayang kulit yang



baru dan moden dapat menarik minat orang ramai. Penggiat seni berkarya dengan menggunakan pendekatan baru dan lebih inovatif di dalam perkaryaan dan penyebaran karya mereka (Magi et al., 2020). Animasi dan watak moden memberi nafas baru kepada wayang kulit, di samping dapat menjamin kelangsungan wayang kulit. Menurut Responden 9, selari dengan perkembangan teknologi moden, wayang kulit berubah kepada bentuk animasi yang dapat menarik minat dan perhatian generasi muda.

Responden 9 menyatakan, *'...yang terbaru sekarang wayang kulit dalam bentuk animasi, ini satu perkembangan yang baik la dalam era sekarang, macam mana nak menarik hati peminat-peminat di dalam golongan kanak-kanak...'* (Temubual, 1 Disember 2021).


#### **4.11 Kesimpulan**

Bab ini telah menghuraikan tentang analisis kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual dan kajian kepustakaan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti kepentingan wayang kulit Kelantan kepada masyarakat Kelantan, mengkaji kesan yang dihadapi oleh pengamal wayang kulit Kelantan disebabkan pandemik Covid-19 dan menganalisis penyelesaian untuk mengatasi kesan pandemik Covid-19 kepada wayang kulit Kelantan. Dapatan kajian yang diperolehi telah dihuraikan di dalam bab ini dengan terperinci berdasarkan kaedah kajian yang telah digunakan bagi mengumpul data bagi tajuk kajian. Kaedah kajian yang digunakan adalah temubual yang telah dijalankan dengan dalang kumpulan wayang kulit Kelantan, pensyarah seni persembahan Universiti Malaysia Kelantan, pegawai Jabatan kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan, pegawai muzium


Kelantan dan komuniti wayang kulit. Perbincangan dan analisis yang telah dihuraikan memberi penjelasan yang mendalam mengenai tajuk dan objektif kajian.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab lima membincangkan kesimpulan mengenai keseluruhan bab di dalam kajian ini. Bab lima terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu: rumusan bab; rumusan dapatan kajian; cadangan kajian pada masa hadapan; dan kesimpulan. Bab ini menerangkan perbincangan secara ringkas bagi bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat. Bab ini juga menerangkan cadangan bagi kajian yang dapat dilakukan pada masa hadapan.

#### **5.2 Rumusan Bab**

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan. Kajian ini mengandungi lima bab dan setiap bab mempunyai subtopik-subtopiknya.

Bab Pertama membincangkan mengenai pengenalan kajian yang meliputi pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian dan kesimpulan. Seni persembahan wayang kulit merupakan identiti bangsa Melayu yang menjadi teras kebudayaan masyarakat Melayu. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit Kelantan. Pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada seni persembahan di mana majlis keramaian adalah tidak dibenarkan.

Bab Dua kajian ini mengetengahkan sorotan kajian literatur dan kerangka teori yang berkaitan dengan pandemik Covid-19 dan wayang kulit Kelantan. Bab ini membincangkan aspek penting wayang kulit seperti sejarah wayang kulit Kelantan, konsep penceritaan wayang kulit Kelantan, kepentingan wayang kulit kepada masyarakat Kelantan dan teori struktural fungsional dalam persembahan wayang kulit. Definisi warisan budaya dan kesan pandemik Covid-19 kepada warisan budaya turut dibincangkan di dalam bab ini.

Bab Tiga menerangkan metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan di dalam kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data kualitatif adalah merangkumi data primer dan data sekunder. Data primer adalah meliputi kaedah pengumpulan data melalui temubual responden dan data sekunder pula diperolehi daripada sumber kepustakaan.

Bab Empat menjelaskan mengenai dapatan kajian yang telah diperolehi daripada temubual responden. Maklumat yang telah diperolehi telah dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 memberi kesan kepada wayang kulit dari pelbagai aspek di antaranya ialah pendapatan dan persembahan wayang kulit.

### **5.3 Rumusan Dapatan Utama**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan-kesan yang timbul akibat daripada pandemik Covid-19 kepada pengamal tempatan wayang kulit di Kelantan. Penularan Covid-19 yang semakin berleluasa menyebabkan kerajaan Malaysia mengambil langkah berjaga-jaga dengan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah langkah pencegahan bagi mencegah

jangkitan Covid-19 kepada orang ramai. Majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang ramai adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Hal ini menyebabkan pengamal wayang kulit tidak dapat melakukan persembahan wayang kulit. Pengamal wayang kulit akur dengan perintah kerajaan, mereka menanggung dan membatalkan persembahan wayang kulit mereka. Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa, pengamal wayang kulit tidak melakukan persembahan. Disebabkan mereka tidak dapat bergiat, pendapatan dan hasil daripada persembahan wayang kulit juga adalah kosong. Pengamal wayang kulit tidak mempunyai hasil daripada kegiatan wayang kulit sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan.

Selain itu, tempat-tempat persembahan wayang kulit juga ditutup. Tempat persembahan seperti Gelanggang Seni yang menjadi tempat kumpulan wayang kulit berkumpul melakukan persembahan turut ditutup. Hal ini menyebabkan pengamal wayang kulit langsung tidak dapat melakukan persembahan wayang kulit ketika berlakunya pandemik. Pengamal wayang kulit terpaksa bergantung kepada pekerjaan dan pendapatan yang lain untuk kegunaan kehidupan seharian. Pengamal wayang kulit mula mengambil upah dengan membaiki alat muzik dan mengambil tempahan untuk membuat patung wayang kulit. Bagi mereka, walaupun tidak dapat membuat persembahan mereka masih dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan wayang kulit.

Pandemik Covid-19 juga memberi kesan kepada persembahan wayang kulit. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh kumpulan wayang kulit untuk terus menghidupkan persembahan wayang kulit ketika pandemik. Penggunaan teknologi telah dimanfaatkan oleh kumpulan wayang kulit Kelantan. Kumpulan wayang mula mengadakan

persembahan wayang kulit secara atas talian. Disebabkan kegiatan dan pergerakan masyarakat adalah terhad ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kumpulan wayang kulit dan penganjur bekerjasama untuk mengadakan persembahan wayang kulit menggunakan platform atas talian. Persembahan wayang kulit tetap diteruskan dan dimainkan secara maya.

Setiap masyarakat harus mengikuti Garis Panduan Dan Operasi Standard (SOP) yang telah dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan di dalam kegiatan seharian mereka. Di antara norma baharu yang telah menjadi rutin bagi seluruh masyarakat ialah pemakaian pelitup muka, penggunaan *sanitizer*, penjarakan 1 meter di antara satu sama lain dan pengukur suhu badan. Garis Panduan Dan Operasi Standard (SOP) ini turut diaplikasikan di dalam persembahan wayang kulit demi menjaga keselamatan dan kesihatan ahli kumpulan wayang kulit dan masyarakat awam dari jangkitan Covid-19. Pengamal wayang kulit memastikan ahli kumpulan mereka mengikuti SOP yang telah ditetapkan ketika melakukan persembahan wayang kulit.

#### **5.4 Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan**

Wayang kulit sebagai identiti masyarakat Melayu yang harus dikekalkan agar dapat diwariskan kepada generasi akan datang. Pelbagai kajian penyelidikan amat digalakkan kerana dapat mengumpulkan perbincangan dan pandangan dari bidang pengajian yang sama. Hasil penyelidikan dapat digunakan untuk menambah baik dasar warisan negara dan memberi panduan kepada kerajaan dalam menangani isu warisan. Kajian lanjut boleh dijalankan di dalam mengkaji pelestarian wayang kulit menggunakan teknologi moden. Perkara ini dapat memelihara dan memulihara kesenian wayang kulit tradisional Kelantan untuk generasi akan datang.

Terdapat keperluan untuk memelihara dan mempromosikan wayang kulit kepada generasi muda menggunakan teknologi masa kini. Penggunaan teknologi moden menyumbang kepada pekekalan wayang kulit. Alat multimedia secara interaktif juga dapat meningkatkan pengetahuan pengguna dan ia juga dapat menarik perhatian penonton. Pekekalan seni persembahan wayang kulit dapat diteruskan dengan mengaplikasikan teknologi media seperti menganimasikan watak-watak wayang kulit. Pendigitalan wayang kulit telah mendapat respon yang positif daripada masyarakat. Perubahan ini sebagai usaha untuk memelihara warisan daripada mengalami kepupusan.

### **5.5 Kesimpulan**

Proses kajian yang teratur dan sistematik dapat menghasilkan penulisan ilmiah yang berfokus dan terarah. Perkara ini menyumbang kepada penjelasan persoalan dan objektif kajian yang telah dikemukakan. Kajian ini adalah bertujuan untuk menghuraikan kesan pandemik Covid-19 kepada pengamal wayang kulit di Kelantan. Dalam penulisan ini, turut dibincangkan cadangan untuk seni persembahan wayang kulit yang dapat dijalankan pengkaji pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, pengamal wayang kulit adalah terkesan dengan keadaan pandemik Covid-19. Pandemik Covid-19 memberi kesan negatif kepada pengamal wayang kulit. Perkara ini diharapkan dapat memberi penjelasan bagaimana pandemik Covid-19 meninggalkan kesan kepada wayang kulit.



## RUJUKAN

- Ab Samad Kechot, Shahidi A. Hamid, Rahim Aman, Zuraidah Hassan, & Daeng Haliza Daeng Jamal. (2012). Pendidikan Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *Themed Issue on The Environment and Society in the Malaysian-Indonesian Development Experience: Issues and Challenges*, 8(8), 35–46. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/5729/1/4c.geografia-nov%25202012-abd%2520samad-edam.pdf>
- Abdul Ghani, D. (2017). The Study Of Laban Movement Analysis (LMA) In Shadow Puppets Theatre. *Estudios Sobre El Mensaje Periodistico*, 23(1), 409–416.
- Amirul, A. A. Bin. (2018). *Reka Bentuk Pentas Dalam Falsafah Persembahan Wayang Kulit Kelantan*. 1–24.
- Amirul, A. A., Bahauddin, A., Shafii, A. S. H., Seni, G., Bharu, K., Kunci, K., & Kulit, W. (2015). *Aspek Rekabentuk Fizikal Dan Simbolik Panggung Persembahan Wayang Kulit Kelantan*.
- Anggoro, B., & Maret, U. S. (2018). Wayang dan Seni Pertunjukan : Kajian Sejarah Perkembangan Seni Wayang di Tanah Jawa sebagai Seni Pertunjukan dan Dakwah Bayu Anggoro *JUSPI: Jurnal Sejarah Peradaban Islam*, 2(2), 122–133.
- Babbie, E. (2007). *The Practice of Social Research*.
- Branch, M., Society, R. A., Branch, M., Society, R. A., Branch, M., & Society, R. A. (2014a). *Malay Shadow Puppets : The ' Waiyang Siam ' of Kelantan by Amin Sweeney Review by : Mubin Sheppard Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society , Vol . 45 , No . 1 ( 221 ) ( January , the. 45(1)*.

- Branch, M., Society, R. A., Branch, M., Society, R. A., Branch, M., & Society, R. A. (2014b). *The Origin of the Wayang Theatre ( Shadow Play ) Author ( s ) : Anker Rentse Source : Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society , Vol . 20 , No . 1 ( 141 ) . 20(1), 12–15.*
- Bujang, R. H. (2007). Fungsi Komunikasi Dan Estetike Dalam Persembahan Teater Tradisional Wayang Kulit. *Jurnal Pengajian Melayu, 18*, 135–156.
- Che Ibrahim, M. A., & Ibrahim, S. Bin. (2018). [ Implementation Of Arts Policy In The State Of Kelantan From 1990 To 2015 : Analysis According To Siasah Syar ‘ Iyyah ] Pelaksanaan Dasar Kesenian Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Pengenalan Islam supaya mereka taat kepada Allah . Kita dapati bahawa si. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 17(1)*, 87–102.
- Creswell, John W, Creswell, J. D. (2018). Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches. In *SAGE Publications, Inc.*
- Fiona E Chiong, W. (2015). *Seri Rama and Maharaja Wana in Wayang Kulit Kelantan : Visual Analysis of Their Puppets. 9–14.*
- Flick, U. (2014). Qualitative Data Analysis. In *SAGE Publicatios Inc.*  
<https://doi.org/10.4324/9781315701134-11>
- Ghani, D. (2012). Wayang Kulit Kelantan: The Challenges Between Traditional and Digital Media. *Arte, Individuo y Sociedad, 24*.  
[https://doi.org/10.5209/rev\\_ARIS.2012.v24.n1.38048](https://doi.org/10.5209/rev_ARIS.2012.v24.n1.38048)
- Ghani, D. A. (2011). Visualization Elements of Shadow Play Technique Movement and Study of Computer Graphic Imagery (CGI) In Wayang Kulit Kelantan. *International Journal of Art, Culture and Design Technologies, 1(1)*, 50–57.

<https://doi.org/10.4018/ijacdt.2011010105>

- Habibah Binti Abdul Jabbar, Rahmah Bujang, N. A. H., & Aziz, A. A. A. (2015). *Tenun Pahang Diraja : Melestarikan Kesenian Warisan Melayu Melalui Aktiviti Tenun Dalam Kalangan Banduan*. 648–660.
- Indriyanto, A. A. (2017). *Fungsi Wayang Kulit Dalam Penyebaran Agama Islam DI Demak Abad XVI*. 1–74. Retrieved from [http://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/80642/Anang Ari Indriyanto - 100210302032\\_.pdf?sequence=1&isAllowed=y](http://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/80642/Anang_Ari_Indriyanto_-_100210302032_.pdf?sequence=1&isAllowed=y)
- Industri, S., Pembangunan, K., & Kreatif, K. (2021). *Sektor Industri Kreatif – Pembangunan Kandungan Kreatif ( Pkp ) Aktiviti dibenarkan*.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Analisis Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 1–14.
- John W. Creswell. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches by John W. Creswell*.
- Jufry, F. D. M. (2014). *Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan (WKMTK): Kajian Archetypal Reka Bentuk Gambalan*.
- Jufry, F. D. M., & Rahman, M. K. A. (2018). Archetypal Characters In Wayang Kulit Kelantan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i5/4087>
- Kia, K. K. (2014). *Digital Puppetry of Wayang Kulit Kelantan : a Study of Its Visual Aesthetics*.

- Kia, K. K., & Chan, Y. M. (2009). A Study On The Visual Styles Of Wayang Kulit Kelantan And Its Capturing Methods. *Proceedings of the 2009 6th International Conference on Computer Graphics, Imaging and Visualization: New Advances and Trends, CGIV2009*, 423–428. <https://doi.org/10.1109/CGIV.2009.37>
- Kim, Y. Y. (2007). Ideology, Identity, And Intercultural Communication: An Analysis Of Differing Academic Conceptions Of Cultural Identity. *Journal of Intercultural Communication Research*, 36(3), 237–253. <https://doi.org/10.1080/17475750701737181>
- KPM. (2020). Edit\_Surat Siaran KPM Bil 3 Tahun 2020\_GP PdP Semasa PKP.pdf. *Kementerian Pendidikan Malaysia*, p. 10. Retrieved from [https://www.moe.gov.my/pekeliling?category%5B0%5D=6&category\\_children=1&own=0&limit=20&limitstart=60](https://www.moe.gov.my/pekeliling?category%5B0%5D=6&category_children=1&own=0&limit=20&limitstart=60)
- Leary, M. R., & Tangmey, J. P. (1984). Self, Self-Concept, Identity, and Homosexual Identity. In *Journal of Homosexuality* (Vol. 10). [https://doi.org/10.1300/J082v10n03\\_13](https://doi.org/10.1300/J082v10n03_13)
- Leonard A. Jason, D. S. G. (2016). *Handbook Of Methodological Approaches To Cummunity-Based Research*.
- Magi, S., Mapjabil, J., Arus, B., Sareya, R., Razali, D., Datu Eranza, D. R., & Min, M. (2020). *Impak, Cabaran Dan Inisiatif Penggiat Seni Persembahan Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19 (Impact, Challenges, and Initiative Performing Art Activist During the Period of COVID-19 Pandemic)*. 5, 74–82.
- Malaysia, L. of. (2006). Akta Warisan Kebangsaan 2005. *ReVision*, 83.
- Marsaid. (2016). Islam dan Kebudayaan: Wayang Sebagai Media Pendidikan Islam di

- Nusantara. *Kontemplasi: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 4(1), 101–130. Retrieved from <http://ejournal.iain-tulungagung.ac.id/index.php/kon/article/view/132>
- Mohamed, K., Abd. Aziz, A. S., & Mohd Noor, N. A. (2020). Legal Analysis for Protection of Intangible Cultural Heritage in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 10–20. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.519002>
- Nasif, H., & Wilujeng, M. P. (2018). Wayang as Da'wah Medium of Islam according to Sunan Kalijaga. *Kalimah*, 16(2). <https://doi.org/10.21111/klm.v16i2.2871>
- Nur Awal, F. R. (2018). ( History of Development and Change of Wayang Function In Society). *Jurnal Kebudayaan*, 13(1), 77–89.
- Osnes, B. (2010). *The Shadow Puppet Theatre of Malaysia*.
- Praharani, R. (2008). *Wayang Kulit Sebagai Media Penyebaran Agama Islam Di Demak Pada Abad Ke Xv*. 1–73.
- Prof. Dr. A. Muri Yusuf, M. P. (2014). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan Penelitian Gabungan*.
- Purwanto, S., & Salatiga, K. (2018). *Pendidikan nilai dalam pagelaran wayang kulit*. 06, 1–30. <https://doi.org/10.21274/taalum.2018.6.1.1-30>
- Rapi, M. U. B. M. (2014). *Dikir Barat Dari Segi Transformasi.pdf*.
- Rentse, A. (1936). The Kelantan Shadow-Play: (Wayang Kulit). *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(3 (126)), 284–301. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41559867>

- Safinaz Mohd Hussien, Mahmud Zuhdi Mohd Nor, N. A. M. (2001). *Bringing Life To Folklore: Problem Of Definition* (pp. 163–168). pp. 163–168.
- Sarwono, J. (2006). *Metode Penelitian Kuantitatif Dan Kualitatif*.
- Spiro, N., Perkins, R., Kaye, S., Tymoszuk, U., Mason-Bertrand, A., Cossette, I., ... Williamon, A. (2021). The Effects of COVID-19 Lockdown 1.0 on Working Patterns, Income, and Wellbeing Among Performing Arts Professionals in the United Kingdom (April-June 2020). *Frontiers in Psychology*, *11*, 594086. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.594086>
- Sugiyono, P. D. (2013b). *Metode Penelitian Kuantitatif Kualitatif Dan R&D*. In *Alfabeta Bandung*.
- Suhaimi Magi, Jabil Mapjabil, Baharuddin Mohd Arus, Rosli Sareya, D. R. D. E. & T. M. M. (2020). Impak, Cabaran Dan Inisiatif Penggiat Seni Persembahan Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, *5*(October), 74–82.
- Swellengrebel, J. L. (1974). *The Ramayana and the Malay Shadow-Play*. By P. L. Amin Sweeney. The National University of Malaysia Press, Kuala Lumpur, 1972. Foreword by C. Hooykaas. Pp. xiii, 464. Preface, Glossary, Works Cited, Index, Tables and Diagrams. Price: M\$40.00/US\$15.00. *Journal of Southeast Asian Studies*, *5*(1), 148–150. <https://doi.org/10.1017/s0022463400016994>
- Tan, S. B. (1989). The Performing Arts in Malaysia: State and Society. *Asian Music*, *21*(1), 137–171. <https://doi.org/10.2307/834076>
- UNESCO. (1972). *Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage*. *General Conference*, (17th Session).



- Wan Nor Jazmina Wan Ariffin & Ramle Abdullah. (2015). Unsur Supernatural Dalam Cerita Tradisional Wayang Kulit Masyarakat Melayu Kelantan. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, (6-7 September 2015), 565–573.
- Wertz, F. J., & Kathy Charmaz, Linda M. McMullen, Ruthellen Josselson, Rosemarie Anderson, and E. M. (2011). *Five Ways Of Doing Qualitative Analysis*.
- WHO. (2022). *Covid-19 Strategic Preparedness*. (February 2021).
- Yusof, G.-S., & Khor, K. (2017). Wayang Kulit Kelantan: A Study of Characterization and Puppets. *Asian Theatre Journal*, 34, 1–25.  
<https://doi.org/10.1353/atj.2017.0002>
- Yusof, G. (2015). Shadow Play with Special Reference to Characterization. *Malaysian Journal Of Performing and Visual Art*, 1.
- Yusof, G. S., & Khor, K. K. (2017). Wayang Kulit Kelantan: A study of characterization and puppets. *Asian Theatre Journal*, 34(1), 1–25.  
<https://doi.org/10.1353/atj.2017.0002>
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, A. S. K. (2011). Akta warisan kebangsaan, 2005: tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8(8), 173–188.
- Zain, R. M., Mohamad, Z., & Affendi, N. (2019). Tokoh Lagenda Wayang Kulit Kelantan. *Jurnal Kesidang*, 3, 92–105. Retrieved from <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/314>



## LAMPIRAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### BORANG PERSETUJUAN RESPONDEN

Saya \_\_\_\_\_

dengan ini mengesahkan bahawa:

1. Saya memahami ciri-ciri dan skop kajian ini..
2. Saya berpuas hati dengan jawapan pada kemuskilan saya tentang kajian ini.
3. Saya bersetuju untuk temubual ini dirakam. Saya faham bahawa audio rakaman dari temubual ini hanya akan digunakan untuk dianalisis sebagai hasil penyelidikan.
4. Saya secara sukarela bersetuju menyertai kajian ini dan mengikuti segala prosedur dan memberi maklumat yang diperlukan kepada penyelidik seperti yang dikehendaki.
5. Saya boleh menarik diri daripada kajian ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebab.
6. Saya bebas daripada gejala COVID-19.
7. Saya bersetuju untuk mengambil bahagian dalam temubual ini

Tandatangan:

Tarikh: